

**ADAT DAN PANTANG LARANG PENANAMAN  
PADI SUKU KAUM RUNGUS DI KAMPUNG  
JAMBUTAN LAYA-LAYA, KOTA MARUDU,  
SABAH.**

**JENETH BIRUAL**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN**

KELANTAN

**2021**



**Adat Dan Pantang Larang Penanaman Padi Suku  
Kaum Rungus Di Kampung Jambutan Laya-Laya,  
Kota Marudu, Sabah.**

Oleh

**Jeneth Birual**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**2021**


## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- / TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh jawatankuasa Pengajian Siswazah dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia 1972)\*
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh Organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengaku bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai Hak untuk:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian

Tandatangan,  
  
(JENETH BIRUAL)

Tandatangan Penyalia  
  
**DAENG HALIZA BINTI DAENG JAMAL**  
Pensyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Kampus Bachok, Beg Berkuinci No. 1  
16300 Bachok, Kelantan.  
(DR. DAENG HALIZA DAENG JAMAL)

Nota: \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT dan TERHAD sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGAKUAN

Projek bertajuk “Adat Dan Pantang Larang Penanaman Padi Suku Kaum Rungus Di Kampung Jambutan Laya, Kota Marudu Sabah” telah disediakan oleh (Jeneth Birual ) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (Warisan Budaya).

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

Disahkan oleh:

.....  
(Dr.Daeng Haliza Daeng Jamal)

Tarikh:

## PENGHARGAAN

Salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, projek penyelidikan ini dapat sempurnakan meskipun terdapat kekangan yang perlu ditempuh dalam usaha menyempurnakan projek penyelidikan.

Terlebih dahulu saya ingin melafazkan setinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya Dr. Daeng Haliza Daeng Jamal di atas segala bimbingan, nasihat dan sokongan yang telah diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Beliau juga adalah merupakan individu yang banyak memberi pandangan dan pembetulan terhadap kajian yang telah saya laksanakan.

Selain itu, dengan kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa yang sangat saya kasihi iaitu Encik Birual Mapangkat dan Puan Rainie Makatang kerana telah memberikan sokongan dan dorongan kepada saya untuk meneruskan perlaksanaan projek penyelidikan ini.

Ribuan terima kasih juga di ucapkan kepada barisan responden kerana berkerja sama dengan dalam menyempurnakan projek penyelidikan saya.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan, kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta pihak-pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini.

MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRAK

Adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus didapati semakin pupus pada masa kini. Ini kerana, masyarakat Rungus kurang menitik beratkan isu pemeliharaan terhadap amalan tersebut. Selain itu, hampir kesemua masyarakat Rungus telah memeluk agama Kristian dan Islam dan meninggalkan segala ajaran yang bertentangan dengan ajaran agama khususnya adat dan pantang larang penanaman padi. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus, menghuraikan kesan adat dan pantang larang penanaman padi terhadap suku kaum Rungus, dan menganalisis usaha pemuliharaan adat dan pantang larang pada masa kini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan data. Dapatan kajian ini mendapati bahawa amalan ada dan pantang larang kurang di amalkan disebabkan beberapa faktor salah satunya, masyarakat telah meninggalkan amalan yang bertentangan dengan ajaran agama. Kajian ini telah mengusulkan cadangan bagi memelihara adat dan pantang larang penanaman padi agar tidak diancam kepupusan iaitu dari segi penglibatan pihak berwajib, pembangunan sosiobudaya masyarakat Rungus, penerbitan buku dan juga kesedaran masyarakat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTARCT

The custom and taboo of rice cultivation of the Rungus tribe is found to be extinct nowadays. This is because, the Rungus community pays less attention to the issue of preservation of the practice. In addition, almost all Rungus communities have embraced Christianity and Islam and abandoned all teachings that are contrary to religious teachings, especially customs and taboos of rice cultivation. Thus, this study aims to identify the customs and taboos of rice cultivation of the Rungus tribe, describe the effects of customs and taboos on rice cultivation on the Rungus tribe, and analyze the conservation efforts of customs and taboos today. This study uses qualitative methods in data collection. The findings of this study found that the practice exists and taboos are less practiced due to several factors, one of which is that society has abandoned practices that are contrary to religious teachings. This study has proposed a proposal to preserve the customs and taboos of rice cultivation so as not to threaten extinction in terms of the involvement of the authorities, the socio-cultural development of the Rungus community, book publishing and also community awareness.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **ISI KANDUNGAN**

## **Halaman**

### **PERAKUAN TESIS**

#### **PENGAKUAN**

#### **PENGHARGAAN**

#### **ABSTRAK**

#### **ABSTACT**

#### **ISI KANDUNGAN**

#### **SENARAI RAJAH**

#### **SENARAI JADUAL**

#### **SENARAI CARTA**

i

ii

iii

iv

vii

vii

vii

### **BAB 1 PENDAHULUAN.**

1.1 Pengenalan

1

1.2 Permasalahan Kajian

4

1.3 Persoalan Kajian

5

1.4 Objektif Kajian

5

1.5 Skop Kajian

6

1.6 Kepentingan Kajian

8

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Warisan

10

1.7.2 Pemuliharaan

10

1.7.3 Padi

11

1.7.4 Adat

11

1.7.5 Pantang Larang

11

1.8 Organisasi Penulisan

12



<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN.</b>	
2.1	Pengenalan	14
2.2	Tinjauan Kajian Lepas	
	2.2.1 Kearifan tempatan dalam pertanian	15
	2.2.2 Penanaman padi	17
	2.2.3 Adat dan pantang larang penanaman padi	19
	2.2.4 Suku kaum Rungus	20
2.3	Kerangka Teoritikal	25
2.4	Kesimpulan	27
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN.</b>	
3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Persampelan	30
3.4	Instrumen Kajian	31
3.5	Teknik Pengumpulan Data	31
3.6	Kaedah Analisis Data	34
3.7	Jangkaan Dapatan	36
3.8	Kesimpulan	37
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	38
4.2	Analisis Dapatan Temu Bual Responden	49

4.3	Analisis Adat Dan Pantang Larang Penanaman Padi	42
4.4	Analisis Kesan Adat Dan Pantang Larang	60
4.5	Usaha Pemuliharaan Adat Dan Pantang Larang	70
4.6	Analisis Teori Evolusi Religi	82
4.7	Kesimpulan	84
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN, CADANGAN, PENUTUP.</b>	
5.1	Rumusan	85
5.2	Cadangan	88
5.3	Penutup	90
<b>RUJUKAN</b>		91
<b>LAMPIRAN</b>		96

## SENARAI RAJAH

<b>No Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1.5	Peta Dunia	7
4.2	Adat Tumutud	51
4.2	Adat Mongintavu	52
4.3.2	Responden Sedang Membuat Tonduk	52
4.3.2	Penyelidik Bersama Responden Dalam Adat Penanaman Padi	53

## SENARAI JADUAL

<b>No Jadual</b>		<b>Halaman</b>
4.2	Kod Responden Dan Huraniya	40
4.3	Profil Responden	41
4.4	Senarai Tema Dan Subtema Temubual	42

## SENARAI CARTA

<b>No Carta</b>		<b>Halaman</b>
2.3	Carta Kerangka Teori	26
3.6	Carta Aliran Proses Analisis Data	35
4.5	Carta Kerangka Teori	83

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Negara Malaysia mempamerkan keunikan masyarakatnya yang bersifat multietnik yang lahir daripada kepelbagaian budaya. Kepelbagaian masyarakat di Malaysia menjadikan kebudayaannya bersifat rencam. Walaupun wujudnya kepelbagaian bangsa, masyarakat masih berbangga dengan identiti etnik masing-masing yang berteraskan ruang sivik yang semakin melebar dengan mengutamakan demokrasi. Ini kerana, setiap kaum yang terdapat di Malaysia memiliki adat dan pantang larang yang harus dipatuhi bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan hidup termasuk dalam penanaman padi.

Kegiatan penanaman padi di Malaysia dikategorikan sebagai elemen ekonomi tradisional yang berhubungkait dengan budaya, sejarah, adat dan perkembangan masyarakat tempatan. Penanaman padi terbahagi kepada dua iaitu padi sawah dan padi huma, padi sawah ditanam di kawasan tanah pamah dalam plot tanah yang berdekatan dengan sumber air manakala padi huma ditanam dikawasan berbukit dan tidak memerlukan sokongan pengairan seperti padi sawah. Elemen tradisional ini berkait rapat dengan budaya sesebuah masyarakat.

Antara negeri yang kaya dengan kebudayaan dan warisan ialah Sabah. Sabah merupakan sebuah negeri yang berada di kepulauan Borneo yang lebih dikenali sebagai negeri di bawah bayu yang kaya dengan alam semulajadi, khazanah kebudayaan dan masyarakat majmuk yang mempunyai pelbagai etnik (Lailawati Madlan et al. 2014). Disamping itu, negeri Sabah mempunyai identiti tersendiri berdasarkan kebudayaan dan kepercayaan masyarakat mengikut etnik masing-masing.

Di era globalisasi yang semakin moden ini, penanaman padi secara tradisional di Malaysia semakin kurang diamalkan akibat perkembangan teknologi dalam bidang pertanian seperti jentera padi. Revolusi Pertanian Pintar yang dilaksanakan di Malaysia merujuk kepada penggunaan dan pengintegrasian teknologi terkini dengan meluas dalam bidang pertanian dengan tujuan meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil tuaian tanaman domestik. Menurut Lewis Henry Morgan (1818) perubahan budaya itu berkaitan dengan penggunaan teknologi yang mempengaruhi perubahan budaya masyarakat. Aktiviti penanaman padi di setiap negeri mempunyai cara pelaksanaan yang berbeza begitu juga adat dan pantang larang dalam setiap penanaman padi. Menurut Nayan Muhammad (1988) setiap pantang larang dan kepercayaan yang wujud mempunyai makna tertentu yang disampaikan melalui simbolik daripada perbuatan dan berdasarkan kepada pengalaman yang telah berlaku.

Antara suku kaum di Sabah yang mempunyai adat dan pantang larang dalam pertanian khususnya penanaman padi ialah suku kaum Rungus. Suku kaum Rungus merupakan subsuku yang tergolong dalam rumpun suku kaum kadazandusun. Suku kaum Rungus minoriti menetap di bahagian utara Pulau Borneo serta mempunyai pelbagai kisah legenda dan mitos.. Masyarakat suku kaum Rungus kebanyakannya membina penempatan di daerah Kudat, daerah kecil Matunggong, daerah Pitas, Beluran, Telipud dan Kota Marudu. Suku kaum Rungus juga dikenali sebagai Momogun Rungus. Momogun Rungus mempunyai 6 sub suku yang hanya dibezakan melalui dialek manakala kebudayaannya sama iaitu, Rungus Kirangavan, Rungus Pilapazan, Rungus Dandahon, Rungus Gonsomon, Rungus Nulzuw dan Rungus Tupak. Rungus berasal dari perkataan Rungusud iaitu nama nenek moyang suku kaum Rungus yang berhijrah dari kawasan Nunuk Ragang ke persisiran pantai di Semananjung Kudat, Teluk Marudu, Pitas, Beluran dan Telipud.

Di kampung Jambutan Laya-Laya, penanaman padi merupakan satu kegiatan tradisional utama bagi suku kaum Rungus, Hal ini kerana padi merupakan sumber makanan ruji. Pada masa dahulu, masyarakat Rungus mengamalkan kepercayaan animisme yang menjadi asas terpenting dalam pembentukan adat dan pantang larang. Oleh itu, secara ringkasnya amalan pantang larang wujud melalui rasa hormat

masyarakat Rungus kepada kuasa ghaib (*Porodong*). Kepercayaan animisme yang mengatakan bahawa kuasa ghaib sentiasa berada di persekitaran manusia menjadikan pantang larang sebagai peringatan kepada masyarakat Rungus agar sentiasa menjaga hubungan baik dengan kuasa ghaib ketika melakukan aktiviti harian. Bagi masyarakat suku kaum Rungus mereka percaya bahawa adat dan pantang larang penanaman padi membawa sumber rezeki yang banyak tanpa berlakunya gangguan yang merosakkan tanaman mereka. Menurut Minah (2013) Adat dan pantang larang bermula apabila petani akan membuka kawasan sebagai tempat penanaman padi sehingga musim menuai dimana masyarakat Rungus akan menjalankan ritual *patod* sebelum membuka tanah penanaman padi di kawasan sungai kerana ritual tersebut berkaitan dengan air yang memberikan *kosogit-sogiton* (kesejahteraan dan keharmonian).

Adat dan pantang larang sangat penting dalam kehidupan masyarakat suku kaum Rungus. Menurut Japuin Madisah (1986) kepercayaan masyarakat suku kaum Rungus apabila adat dan pantang larang tidak diamalkan dalam penanaman padi bagi seseorang individu mahupun secara berkelompok akan mendatangkan kesan terhadap supernatural dan penunggu tanah tersebut (alam gaib) serta mengganggu keharmonian masyarakat dan menyebabkan malapetaka berlaku seperti bencana alam ataupun sakit penyakit. Penggunaan istilah “biar mati anak jangan mati adat” jelas menggambarkan bahawa adat dan pantang larang adalah pegangan hidup bagi kesejahteraan dan keharmonian kehidupan masyarakat.

Namun di era globalisasi tanpa sempadan telah memberi cabaran bagi masyarakat suku kaum Rungus dalam pengamalan adat dan pantang larang penanaman padi sehingga menyebabkan adat dan pantang larang tersebut semakin pupus di telan arus peredaran zaman.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Uma Sekaran (2000) pernyataan masalah adalah sebarang situasi di mana wujud jurang antara keadaan sebenar dan keadaan ideal.

Cengkaman era globalisasi, sosioekonomi pada masa kini telah nilai adat dan pantang larang yang telah dipraktikkan kian dilupakan dan diperlekehkan. Kehidupan masyarakat berada di tahap dunia tanpa sempadan dan seolah-olah didominasi oleh budaya Barat sehingga melupakan adat dan pantang larang warisan yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Dalam masyarakat suku kaum Rungus adat dan pantang larang sangat penting dalam kehidupan mereka bagi mengelakkan berlakunya bencana alam dan malapetaka serta dipercayai amalan tersebut mampu mengekalkan kesuburan tanah dalam kegiatan pertanian pada masa dahulu.

Selain itu juga, masyarakat suku kaum Rungus khususnya generasi muda kurang mengetahui tentang adat dan pantang larang penanaman padi pada hari ini. Menurut Zahir Zainudin (2016) generasi muda yang tinggal di kawasan Bandar kurang mengetahui tentang adat dan pantang larang yang diwarisi sejak turun temurun. Hal ini menunjukkan masyarakat golongan muda yang terdedah dengan pelbagai pengaruh luar menyebabkan mereka kurang mendalami adat dan pantang larang mereka sendiri malah lebih berminat mempelajari sesuatu yang moden

Selain itu, faktor kekurangan *Bobolizan* (bomoh) untuk mengendalikan pemujaan semangat padi juga menyumbangkan kepada permasalahan ini (Low, 2006). Hal ini kerana kebanyakan bomoh telah meninggal dunia dan hanya tinggal beberapa sahaja Bobolizan yang telah uzur dan tidak mampu menjalankan adat pemujaan semangat padi. Dalam masa yang sama beberapa bomoh telah memeluk agama kristian dan juga agama Islam. Bomoh berperanan penting dalam pengamalan adat dan pantang larang kerana dipercayai mereka mampu memyeru dan berhubung dengan kuasa ghaib untuk memelihara tanaman mereka melalui penyembahan darah khinzir atau pun ayam kampung yang berwarna putih (*vura*).

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang telah dikenalpasti oleh pengkaji, beberapa persoalan kajian yang telah dikemukakan bagi menentukan objektif kajian yang hendak dicapai adalah seperti berikut:

- i. Apakah adat dan pantang larang penanaman padi yang diamalkan oleh suku kaum Rungus?
- ii. Sejauhmanakah adat dan pantang larang penanaman padi memberi kesan ke atas suku kaum Rungus di Kampung Jambutan Laya-Laya, Kota Marudu, Sabah?
- iii. Apakah usaha pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus pada masa kini?

### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN


- i. Mengenalpasti adat dan pantang larang penanaman padi yang diamalkan oleh suku kaum Rungus.
- ii. Menghuraikan kesan adat dan pantang larang penanaman padi terhadap suku kaum Rungus di Kampung Jambutan Laya-Laya, Kota Marudu, Sabah.
- iii. Menganalisis usaha pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus pada masa kini.



## 1.5 SKOP KAJIAN

Terdapat pelbagai adat dan pantang larang dalam pertanian yang diamalkan suku kaum Rungus sepertinya, adat dan pantang larang masuk hutan. Tetapi dalam kajian ini, lebih memfokuskan kepada adat dan pantang larang penanaman padi secara tradisional maka pengkaji telah memilih adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus sebagai kajian. Dalam kajian ini juga akan menceritakan dengan lebih terperinci tentang adat dan pantang larang yang diamalkan oleh pengusaha padi secara tradisional. Ini kerana, memandangkan pada masa kini cara penanaman padi lebih kepada penanaman secara moden iaitu dengan menggunakan jentera. Berdasarkan pembacaan, penyelidik tahu bahawa adat dan pantang larang semakin tenggelam dalam arus permodenan. Keadaan ini mendatangkan impak yang sangat negatif kepada kebudayaan yang dibanggakan sebagai warisan kebudayaan. Tidak mustahil pada masa akan datang adat dan pantang larang penanaman padi tidak lagi diketahui oleh generasi muda. Selain itu, pengkaji juga akan menghurai kesan adat dan pantang larang penanaman padi secara terperinci. Seterusnya, menganalisis usaha bagi pemuliharaan dan adat dan pantang larang penanaman padi agar adat dan pantang larang diketahui dan difahami untuk generasi yang akan datang

Secara amnya, populasi suku kaum Rungus terdapat di beberapa daerah seperti yang telah dibincangkan di awal penulisan. Namun, penyelidik lebih memfokuskan di kawasan Kampung Jambutan Laya-Laya, Kota Marudu Sabah sahaja sebagai kawasan kajian. Hal ini kerana, bagi memudahkan penyelidik untuk memperolehi data dan mengkaji di kawasan tersebut. Di samping itu, pengkaji lebih menjurus kepada suku kaum Rungus yang masih mengamalkan penanaman padi pada masa kini. Dalam kajian ini juga penyelidik memilih golongan yang masih menjalankan kegiatan penanaman padi khususnya golongan tua yang mempunyai pengetahuan berkaitan dengan adat dan pantang larang penanaman padi seramai 7 orang yang dipilih.



Rajah 1: Peta sabah

Sumber: <https://www.google.com/url?sa=i&url=https%3A%2F%2Fen.wikipedia>

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian berkaitan dengan adat dan pantang larang penanaman mempunyai kepentingan kepada generasi yang akan datang. Hal ini kerana adat dan pantang larang penanaman padi merupakan identiti sesebuah etnik yang mengamalkannya. Antara kepentingan kajian yang dilakukan ialah seperti berikut:

### 1.6.1 Individu

Dalam kajian ini akan menyampaikan maklumat sebagai wacana ilmu yang berguna dan perihalkan tentang adat dan pantang larang penanaman padi yang telah ditetapkan oleh nenek moyang pada masa dahulu kepada individu. Kajian ini secara langsung dapat memberi kesedaran kepada individu untuk mengetahui adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus. Selain itu, berdasarkan kajian ini individu dapat memupuk minat mereka untuk meneroka serta mengetahui adat dan pantang larang penanaman padi yang diamalkan oleh nenek moyang pada suatu ketika dahulu. Sebagai contoh, individu akan mengkaji lebih dalam lagi tentang adat dan pantang larang penanaman padi dan ingin melihat bagaimana adat dan pantang larang tersebut dilaksanakan dalam penanaman padi secara tradisional. Walaupun pada masa kini, penanaman padi secara tradisional semakin berkurang namun dengan adanya kajian ini dapat memberi panduan kesedaran tentang kewujudan adat dan pantang larang penanaman padi.

### 1.6.2 Masyarakat

Kajian ini penting kerana memberi sumbangan kepada masyarakat khususnya suku kaum Rungus untuk membantu memberi pengetahuan kepada masyarakat secara umum terutamanya generasi muda bagi memperkenalkan dan memberi pendedahan tentang adat dan pantang larang penanaman padi yang diwarisi sejak turun temurun terutamanya masyarakat di kawasan kampung Jambutan Laya-Laya. Kajian ini

meningkatkan kesedaran kepada masyarakat kaum Rungus mengenai kepentingan untuk mengekalkan warisan adat dan pantang larang penanaman padi secara tradisional agar tidak dilupakan. Pembangunan yang pesat seiring dengan perubahan zaman sedikit sebanyak membataskan kaedah pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi. Walau bagaimanapun, jika kepentingan nilai warisan adat dan pantang larang ini dapat diketengahkan, berkemungkinan akan memberikan impak positif dan membuka mata masyarakat untuk lebih menghargai adat dan pantang larang penanaman padi khususnya di kampung Jambutan Laya-laya. Selain itu, kajian ini penting kepada masyarakat suku kaum Rungus agar mereka mengetahui asal usul ekonomi nenek moyang mereka khususnya dari segi pertanian khususnya tahap pemikiran mereka dan sifat menghormati alam.

### 1.6.3 Sumber Rujukan.

Kepentingan kajian ini merupakan sumber rujukan kepada para penyelidik untuk mengenalpasti kelemahan yang boleh diperbaiki bagi permulaan kajian baru. Kajian ini, memudahkan para penyelidik untuk mencari topik yang relevan dan menarik untuk dikaji. Pada masa yang sama, apabila para penyelidik merujuk kepada kajian ini ia dapat memberi keyakinan kepada pengkaji bahawa topik yang dipilih berbaloi untuk kaji dan berpotensi untuk menemui sesuatu yang berguna kepada semua pihak.

Selain itu, kajian ini juga ianya bukan sahaja mencari ilmu kepada diri sendiri tetapi turut memberi sumber rujukan kepada pelajar institusi pengajian tinggi apabila mereka ingin mengkaji tentang adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus yang lebih mendalam lagi dan memberi cadangan untuk merangka tindakan dalam penyusunan pelaksanaan kajian. Kajian ini sangat penting kerana memberi gambaran awal dan memberi kesedaran kepada pelajar akan potensi kesukaran kajian yang hendak dikaji. Selain itu, dengan kajian ini pelajar dapat memahami dan mengetahui adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus bagi memudahkan mereka mencari persoalan-persoalan kajian yang akan dikaji.

## 1.7 DEFINISI ISTILAH

Bahagian ini mengemukakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian. Definisi membantu penyelidik dan pembaca dalam memahami setiap istilah yang dibincangkan bagi mengelakkan daripada menyalahi apa yang sepatutnya dilaksanakan semasa menjalankan kajian.

### 1.7.1 Warisan

World Heritage Committee (1996) mendefinisikan warisan sebagai peninggalan masa silam yang masih diamalkan pada hari ini dan diturunkan dari generasi ke generasi yang akan datang. Manakala menurut Yuszaidy Mohd Yusoff et al. (2011) warisan adalah kegiatan budaya atau tindakan yang dilakukan oleh manusia dalam meneruskan kehidupan secara turun temurun. Warisan adalah sesuatu yang diwarisi dari generasi yang terdahulu kepada generasi yang baru. Jabatan Warisan Negara (2012) menyatakan warisan juga boleh dikategorikan sebagai khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan. Warisan kita adalah ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang diwariskan kepada kita melalui cara hidup, kepercayaan yang dijelmakan melalui objek budaya. Warisan juga melambangkan ketamadunan sesebuah masyarakat.

### 1.7.2 Pemuliharaan

Menurut Syed Zainol Abidin Idid (1995) pemuliharaan bermaksud salah satu proses menjaga dan mengawasi sesebuah warisan bersejarah dari dimusnahkan atau dibaikpulih tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik. Pemuliharaan melibatkan kerja-kerja yang cuba mengekalkan keadaan asal sesebuah warisan seperti mana yang asal dan dapat mengekalkan kepentingan kebudayaan. Definisi ini menunjukkan bahawa pemuliharaan adalah konsep yang lebih luas berbanding pemeliharaan



### 1.7.3 Padi

Padi merupakan tanaman bijirin yang ditanam dalam keadaan persekitaran yang amat luas. Bermula dari tempat asalnya di bahagian selatan dan timur Asia (Thailand, Burma dan Vietnam), yang dikatakan sebagai Home area (Huke, 1976).

### 1.7.4 Adat

Menurut H.M. Sidin, (1964) berpendapat bahawa adat bermaksud satu kebiasaan daripada satu perbuatan yang berulang dan telah diterima oleh masyarakat sebagai satu peraturan hidup yang harus dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat. Abdullah Siddik, (1975) pula mengatakan bahawa adat tidak dapat dipisahkan daripada tatasusila yang membataskan perlakuan baik buruk anggota masyarakat, dan adat meliputi hukum yang terdiri daripada norma-norma. Mohd. Din Ali dalam HarunDaud (1989) pula mengatakan, adat adalah sebuah institusi yang membentuk undang-undang, Mengatur norma-norma sosial, politik dan mencorakkan perlembagaan bagi pemerintah. Berdasarkan pendapat yang telah dinyatakan oleh beberapa penulis, dapat diringkaskan bahawa adat meliputi undang-undang dan larangan diraja yang melibatkan hukuman ke atas pelanggar-pelanggarnya.

### 1.7.5 Pantang larang

Pantang larang merupakan kata majmuk yang berasal daripada perkataan ‘pantang’ dan ‘larang’ menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2008) pantang bermaksud tegahan daripada melakukan sesuatu kerana dipercayai akan membawa kesan buruk. Menurut Nor Hayati Mohd Saharin (2008) pantang larang ialah satu sistem peraturan dalam hidup dan undang-undang. Sekiranya sesuatu pantang larang dilanggar, sama ada dari segi perkataan atau perbuatan akan mendatangkan akibat yang buruk ke atas individu atau masyarakat. Selain itu, menurut beliau juga, pantang larang merupakan kawalan sosial sesebuah masyarakat yang sewajarnya dipelajari dan diamalkan oleh setiap golongan masyarakat serta diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang baharu. Menurut

Sheikh Othman Seikh Salim, pantang larang secara ringkasnya bermaksud suatu kepercayaan yang meliputi dari sejak manusia itu dilahirkan sehinggalah manusia itu dewasa dan akhirnya meninggal dunia. Manakala menurut Arni Johan dalam *Aktivistis Jurnal Akademik* Jilid VI 2006: Budaya dan Ilmu (halaman 49), pantang larang lebih merupakan khazanah budaya dunia terbina daripada pengalaman hidup pada masa dahulu. Pengalaman ini mendukung nilai yang tinggi kerana pengalaman tersebut boleh dijadikan sebagai teladan dan pedoman dalam kehidupan pada masa kini. Pantang larang juga merupakan disiplin lisan yang dipraktikkan oleh sebahagian besar masyarakat khususnya pada zaman pertanian pada masa dahulu yang merupakan panduan hidup mereka.

## **1.8 ORGANISASI PENULISAN**

Organisasi penulisan bab adalah merangkumi penulisan dalam kajian secara menyeluruh untuk memberi gambaran dan memudahkan pembaca memahami kajian tersebut. Dalam kajian ini terbahagi kepada 5 bab iaitu:

Dalam kajian bab 1 dimulai dengan pendahuluan bagi kajian adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus, Kampung Jambutan Laya-Laya, Kota Marudu, Sabah. Dalam bab ini merangkumi isu kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian dan pengkaji telah membuat tiga objektif kajian sebagai matlamat kajian bagi menjawab persoalan kajian diakhir kajian yang akan dilaksanakan. Setelah itu pengkaji memilih skop kajian iaitu di kampung Jambutan Laya-Laya. Setelah itu penyelidik telah membuat kajian defnisi istilah agar pengkaji mendapat gambaran terhadap kajian yang dipilih.

Dalam bab 2 pula, penyelidik akan mengkaji tentang dokumen yang lepas serta maklumat terpilih yang terdapat dalam kepustakaan atau literatur. Kajian literatur adalah kajian yang berkaitan dengan kemahiran lisan dijadikan bahan tinjauan lepas dan sebagai rujukan penulisan penyelidik. Dalam bab 2 ini, idea kajian literatur adalah untuk

memberi sedikit latar belakang dan konteks keapa kajian yang akan dikaji oleh penyelidik. Setelah itu penyelidik akan memilih teori yang berkaitan dengan tajuk kajian bagi tujuan penyusunan idea dan konsep secara sistematik agar dapat membentuk aturan dalam menjelaskan fenomena yang kompleks.

Dalam bab 3 pula, merupakan kajian metodologi yang digunakan dalam kajian. penyelidik akan menghuraikan reka bentuk kajian iaitu pengkaji telah memilih pendekatan kualitatif sebagai kaedah kajian. Selain itu penyelidik menjelaskan cara pengumpulan data yang terbahagi kepada dua iaitu, sumber primer dan sumber sekunder. Setelah itu penyelidik akan membuat persampelan kajian untuk meningkatkan kesahihan kajian. penyelidik juga turut menjelaskan instrument yang digunakan dalam kajian dan yang terakhir kaedah analisis data. Organisasi penulisan bab ini dilakukan kerana bagi memudahkan penyelidik menyusun kajian dengan sistematik dan teratur.

Dalam bab 4, pengkaji menganalisis dapatan kajian berdasarkan sumber primer dan sumber sekunder yang telah dijalankan. Dalam bab ini, penyelidik telah berjaya mengumpul maklumat dalam pelbagai sumber. Dapatan kajian ini telah mengenalpasti adat dan pantang larang penanaman padi disamping berjaya membincangkan kesan dan usaha pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus di lokasi Kampung Jambutan Laya-Laya, Kota Marudu, Sabah.

Dalam bab yang terakhir, penyelidik merumuskan secara keseluruhan perbincangan dapatan kajian yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelumnya. Selain itu, bab 5 juga turut membincangkan cadang dalam kajian tersebut.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kajian lepas yang berkaitan dengan adat dan pantang larang penanaman padi. Sorotan kajian ialah rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang tedapat dalam kepustakaan atau literatur berkenaan dengan topik kajian atau persoalan kajian. Sorotan kajian perlu menghuraikan, meringkas, menganalisis, mensintesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang dipilih (Bryman & Bell 2003 dan Creswell 2005)

Kajian ini berkaitan dengan adat dan pantang larang penanaman padi masyarakat suku kaum Rungus. Adat dan pantang memainkan peranan penting bagi membentuk masyarakat yang teratur dan berdisiplin. Menurut kepercayaan masyarakat kaum Rungus setiap tindakan yang menyalahi adat dan pantang larang sama ada dilakukan secara individu mahupun berkelompok akan memberi kesan kepada alam ghaib serta mengganggu kehidupan di alam semesta. Penanaman padi merupakan kegiatan pertanian yang menyumbang kepada produktiviti pertanian. Sebagai contoh, di Timur India sebanyak 60% kawasan penanaman padi dan sebanyak 50% beras yang dihasilkan oleh penanaman padi huma sebagai sumber beras kepada penduduk (Mualidharan et al. 1988).

Selain itu, pengkaji juga perlu mengenal pasti terlebih dahulu tahap kesesuaiannya dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana pengkaji dikehendaki untuk membuat rumusan sorotan kajian lepas bagi menimbulkan permasalahan yang ingin dikaji. Hal ini kerana, Setiap suku kaum memiliki adat dan pantang larang tersendiri yang menjadikan kepercayaan yang harus diamalkan. Keunikan adat dan pantang larang mempunyai fungsi untuk mendapatkan hasil penanaman padi yang banyak sebagai satu penghormatan kepada alam.

## 2.2 Tinjauan kajian lepas

Menurut Wiersma (1991) tinjauan kajian lepas melibatkan memilih bidang dan kata kunci yang berkaitan dengan permasalahan kajian, mencari tajuk-tajuk dan abstrak-abstrak yang sesuai dengan permasalahan yang ingin dikaji dan mengenalpasti sumber-sumber dokumen sekunder. Tinjauan kajian lepas bertujuan untuk menunjukkan penyelidikan dahulu dan bagaimana ia dikaitkan dengan kajian yang dijalankan kini. Sorotan kajian ini mengarahkan arah penyelidikan melalui pengkajian semula dan perkembangan ilmu pengetahuan.

### 2.2.1 Kearifan tempatan dalam pertanian

Menurut Neilson dan Spencer (2012), minat mempertahankan kearifan tempatan oleh masyarakat peribumi kian mendapat perhatian dan perjuangan daripada gerakan-gerakan yang membela hak masyarakat peribumi. Hal ini demikian kerana, kearifan tempatan yang dimiliki oleh penduduk tempatan merupakan sebuah manifestasi kemahiran asal penduduk yang harus diwarisi dan diketahui oleh generasi akan datang di samping boleh dikomersialkan sebagai satu komponen dalam pembangunan dan pemasaran produk pelancongan luar bandar. Dalam konteks kearifan tempatan, kerja menumbuk padi ini sebenarnya adalah kerja menukarkan bentuk fizikal padi kepada beras. Proses ini dilakukan menggunakan lesung kayu dan penumbuk yang diperbuat daripada kayu. Selain itu, gilingan kayu juga boleh digunakan sekiranya tidak cukup orang untuk proses monutu. Masyarakat Rungus turut memanggil proses ini proses misaud ataupun mongohodok parai. Kebiasaannya, kerja ini akan dilakukan di ruang beranda rumah ataupun di halaman rumah. Padi akan dimasukkan ke dalam lesung kayu dan proses monutu dilakukan dengan menggunakan penumbuk kayu.

Zulkarnain dan Febriamansyah (Raden, Isman & Jajang, 2011) mentafsirkan kearifan tempatan sebagai prinsip dan cara tertentu yang dipegang, difahami dan digunakan oleh masyarakat tempatan dalam berinteraksi dengan lingkungannya serta ditransformasikan dalam bentuk sistem nilai dan norma adat. Kearifan tempatan

yang dipraktikkan itu merupakan harta bernilai kepada komunitinya terutama dalam membantu keamanan alam sekitar. Minat untuk mempertahankan kearifan tempatan kaum peribumi kian mendapat perhatian dan perjuangan daripada pergerakan-pergerakan yang membela hak kumpulan peribumi (Neilson Ilan Mersat & Spencer Empading Sanggin, 2012) menyebut bahawa Artikel 8 (j), *Convention on Biodiversity* (1992) di Rio telah mengiktiraf hak penduduk peribumi dalam mempertahankan kearifan tempatan khususnya dalam pemuliharaan diversiti biologi, penggunaan komponen-komponennya yang berterusan dan penggunaan sumber genetik untuk dikongsi bersama secara adil kepada komuniti.

Sistem pengetahuan komuniti setempat adalah berbeza. Ini kerana, tidak dapat dinafikan bahawa sesebuah kawasan semestinya memiliki perbezaan dari segi etnik, sosial, aset budaya, latar belakang sejarah dan sebagainya. Menurut Hiwasaki et al. (2014) pula, aspek kearifan tempatan boleh wujud dalam pelbagai bentuk. Antaranya cerita rakyat, lagu, peribahasa, nilai budaya, kepercayaan, ritual, undang-undang adat, bahasa dan amalan pertanian. Oleh yang demikian, aktiviti penanaman padi dalam masyarakat Iban merupakan salah satu kearifan tempatan khususnya dalam bidang pertanian.

Menurut Hornby (2016), kearifan itu dibangunkan dan berkembang secara spontan dalam masyarakat atau zaman tertentu. Kearifan itu diguna untuk membangunkan norma dan peraturan yang dipandu oleh penggunaan dan pengurusan sumber. Dalam konteks artikel ini, kearifan tempatan dikonseptualkan sebagai suatu bentuk pengetahuan, gagasan, nilai murni, tertanam dalam budaya komuniti, dipercayai dan menjadi rujukan untuk bertindak dalam penggunaan sumber khususnya dalam pelestarian alam.

Terdapat banyak persamaan bentuk kearifan tempatan dalam bidang pertanian yang diamalkan oleh penduduk di kampung ini memandangkan mereka berasal dari keluarga bahasa dan tradisi budaya yang sama selain daripada mengalami sejarah penghijrahan masa lampau, iaitu berasal dari Nunuk Ragang (Yunus, 2000; Henry

Bating, 2002; Low, 2005). Persamaan-persamaan lahiriah dan cara berfikir penduduk kampung tersebut membentuk pengetahuan tradisi yang saling berintegrasi. Mereka mengusahakan tanah warisan nenek moyang dan secara tidak langsung mempraktikkan pengetahuan tradisi dalam kegiatan pertanian.

Menurut Raden et. al (2011), turut membincangkan tentang pengetahuan lokal masyarakat Baduy dalam kegiatan pertanian iaitu penanaman padi yang mana hampir sama dengan pengetahuan lokal masyarakat Kadazandusun dalam kegiatan tersebut. mereka mempercayai bahawa padi mempunyai semangat atau roh yang dikenali sebagai Bambarayon.

Menurut Adlina et al. (2013), kearifan tempatan adalah suatu bentuk kesinambungan ilmu yang diwarisi daripada satu bangsa yang asalnya daripada ilmu pengetahuan generasi terdahulu. Kearifan tempatan atau pengetahuan tradisional merujuk kepada pengetahuan yang terkumpul, bersifat kompleks dari segi amalan dan persembahan serta dikembangkan oleh individu yang mempunyai sejarah pengalaman yang panjang berdasarkan interaksi dengan alam semula jadi. Kepercayaan dan amalan yang diwarisi sejak turun-temurun merupakan kearifan tempatan petani luar bandar dalam melestarikan alam.

### 2.2.2 Penanaman padi

Kaedah SRI adalah satu sistem yang dibentuk oleh beberapa gabungan kaedah penanaman padi hasil dari inovasi dan kreativiti petani padi sendiri (Mati dan Nyamai 2009). Kenyataan ini selari dengan pendapat Uphoff (2005) yang mengatakan kaedah SRI adalah kaedah pertanian hasil inovasi petani yang di luar kebiasaan penanaman padi di mana metodologi ini mempunyai kelebihan dalam meningkatkan produktiviti tanah, buruh, air, dan modal secara serentak. Kaedah SRI juga dipersetujui sebagai satu perkembangan metodologi baru dan bukanya teknologi pertanian baru (Budi, Satyanto, Hanhan & Gardjito, 2011).

Menurut Maine dan (2010), pertanian di kampung mengalami perubahan akibat perkembangan teknologi baharu dalam pertanian. Proses penanaman dan penuaian hasil tanaman menggunakan kaedah tradisional semakin kurang kerana adanya kemudahan jentera dalam pertanian yang mampu mempercepat kerja dan menjimatkan masa petani. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi baru dalam pertanian ini mempunyai had kegunaannya yang tersendiri dan sekiranya gagal berfungsi, berkemungkinan segelintir petani akan kembali kepada kaedah tradisional untuk menjalankan aktiviti pertanian mereka.

Menurut Rahimah (1986) menyatakan bahawa penanaman padi dua kali setahun tidak dapat dijalankan di Krian, Perak kerana ketidakcekapan sistem pengairan dan saliran di kawasan itu. Penggunaan jentera seperti kabota dan sebagainya tidak boleh digunakan di semua tempat kerana jenis tanah yang berbeza. Akhirnya, petani kembali semula kepada penggunaan tajak untuk menajak tanah mereka. Sekiranya teknologi baharu yang digunakan rosak atau tidak mampu menjalankan fungsinya, maka kaedah tradisional akan digunakan oleh para petani untuk menjalankan rutin bertani mereka. Perkara yang sama turut berlaku di Utara Iran yang mana produktiviti pertanian padi terbatas kerana adanya gangguan saliran air untuk tujuan pertanian

Menurut Abdullah Abdul Kadir Munsyi (1837), menyatakan bahawa tanaman padi di Kelantan bukan sahaja untuk keperluan dalam negeri tetapi juga dieksport terus ke Singapura dan Thailand. Negeri lain yang turut menjadi pengeksport pada abad ke-19 adalah Perak dan Terengganu. Sehingga pertengahan abad ke-19, contohnya Selangor mempunyai bekalan beras yang banyak dan tidak perlu mengimportnya. Pencapaian ini merupakan usaha pemerintah sultan Muhammad (1826-1857) yang telah mewajibkan rakyatnya menanam padi. Namun begitu, perang saudara yang meletus pada tahun 1866 sehingga 1873 telah mengakibatkan kerosakan sawah padi dan menyebabkan kehilangan besar nyawa yang telah membawa kepada kemerosotan pengeluaran padi di negeri tersebut ketika itu.

Menurut James Augustine (2016) perusahaan penanaman padi di Tanah Melayu khususnya bahagian utara sudah bermula pada zaman Kedah Tua atau Zaman Kerajaan Langkasuka. Perlis pada masa ini masih di bawah keajaan negeri Kedah dan belum dibentuk sebuah kerajaan yang berdaulat iaitu seorang raja yang memerintah secara mutlak. Orang-orang Melayu Perlis yang berketurunan Melayu asli dan sebahagianya berketurunan Melayu-Siam memang arif mengenai penanaman padi yang menjadi makan ruji kepada penduduk di Perlis.

Menurut Rejab F.I (1992) bersawah merupakan amalan rutin hampir semua Penduduk di Perlis sebelum, semasa dan selepas kedatangan British secara tidak rasmi pada 1909 hingga 1929 dan secara rasmi 1930 hingga 1940. Penduduk Melayu Perlis ketika melakukan aktiviti bersawah mempunyai peraturan atau adat-adat yang perlu diikuti sebelum membuat semaian padi. Mengikut kepercayaan orang-orang tempatan adat-adat ini perlu dipatuhi untuk menjaga dan menghormati semangat padi dan mempunyai masa-masa tertentu sebelum memulakan sesuatu tanaman padi atau penuaian. Jelas diketahui bahawa musim untuk bersawah di negeri Perlis ini bermula pada bulan Jun hingga bulan September kerana dipercayai pada bulan tersebut amat sesuai untuk memulakan aktiviti penanaman padi di negeri Perlis.

### 2.2.3 Adat dan pantang larang penanaman padi

Menurut Max Weber dalam karya agunginya, "The Sociology of Religion" taboo ataupun pantang larang memberi banyak kepentingan terhadap sosial dan ekonomi diantaranya pemuliharaan hutan dan hidupan liar (Muhammad Yamin, 2002).. Menurut beliau , mitologi primitif tentang alam sering menjadi sumber titik tolak kepercayaan mereka. Makhluk halus yang mengatur pertumbuhan dan kematian tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang ada di angkasa dipercayai menjadi pembawa nasib sama ada melalui penderitaan, kematian, dan kebangkitan Tuhan bagi orang-orang yang memerlukan.



Dalam buku yang dihasilkan oleh Amat Juhari Moain (1990) tentang kepercayaan orang melayu berhubungan pertanian, beliau menjelaskan banyak perkara yang berkaitan dengan amalan animism orang melayu dalam penanaman padi huma. Bagi mereka, terdapat beberapa upacara yang dijalankan oleh petani dalam penanaman padi, seperti upacara menatau, upacara menyemai padi, upacara mengubah anak-anak padi, upacara menuai padi sulung dan upacara mengubat penyakit tanaman.

Menurut Asmah Haji Omar (1980) perlakuan yang tidak senonoh terhadap padi, beras atau nasi akan mendapat balasan yang setimpal dari Tuhan. Padi beras dan nasi dipercayai boleh menangis seperti manusia. Akibat kepercayaan keada semangat padi, maka upacara ritual dalam pertanian, seperti meriangkan semangat padi, bersemah dan memujanya.

Dalam masyarakat Iban perayaan Gawai merupakan salah satu usaha menjaga adat dan pantang larang penanaman padi. Perkataan Gawai secara umumnya merujuk kepada perayaan yang berkaitan dengan agam dan kepercayaan tradisi masyarakat Iban (Jimbun, 2015). Gawai Taun (Gawai Dayak) merupakan pesta yang penuh dengan ritual yang dijalankan setelah mendapatkan hasil tuaian padi. Semasa pesta, masyarakat Iban akan menyediakan piring (hidangan) untuk memuja semangat padi, Dewa Simpulang Gana dan nenek moyang yang dipercayai memberi berkat dan rezeki melalui hasil padi yang banyak.

Masyarakat Iban merupakan masyarakat yang percaya kepada petanda burung. Bunyi burung di persekitaran boleh membawa petanda baik mahupun buruk. Menurut Awang (2013) kepercayaan tradisional ini dikenali sebagai sebagai Pengarap Lama. Masyarakat Iban percaya sekiranya mendengar bunyi burung tertentu yang membawa petanda buruk, maka segala aktiviti penanaman padi perlu dihentikan. Malah, sekiranya terdengar bunyi burung yang membawa petanda buruk semasa dalam perjalanan ke huma, maka mereka akan membatalkan niat untuk menanam padi pada hari tersebut dan berpatah balik ke rumah.

#### 2.2.4 Suku kaum Rungus

Menurut Jeubirin (2000) pada masa dahulu, organisasi sosial etnik Rungus yang penting ialah rumah panjang, yang dikenali sebagai *bbinatang*. Sebuah *bbinatang* didiami oleh puluhan keluarga yang mempunyai pertalian persaudaraan antara satu sama lain. Terdapat *bbinatang* yang didiami oleh sehingga 30 keluarga. Pemimpin *bbinatang* yang dikenali sebagai osukod berperanan sebagai ketua kampung bagi menjaga seluruh hal ehwal penghuni rumah panjang. Selain menjadi tempat tinggal, segala upacara turun-temurun dan majlis keramaian juga dikendalikan di dalam *bbinatang*. Semasa sesebuah upacara keramaian seperti majlis perkahwinan diadakan, semua penghuni *bbinatang* akan bersama-sama menyediakan makanan dan minuman bagi mengurangkan beban keluarga yang berkenaan. Selain itu, rumah panjang juga berfungsi sebagai tempat perlindungan etnik Rungus daripada serangan musuh.

Secara turun-temurun, etnik Rungus mempunyai kepercayaan tradisional mereka yang dikenali sebagai Bbiruhui. Kepercayaan Bbiruhui etnik Rungus mula menerima impak yang besar setelah pihak Syarikat Berpiagam (British) Borneo Utara (SBBU) mula mentadbir Sabah pada akhir kurun yang ke-19. Daerah Kudat, yang majoritinya didiami etnik Rungus ialah salah sebuah daerah yang paling awal menerima misi pendakwaan Kristian (Mat Zin 2003). Misi pendakwaan mazhab Protestanisme, yang dikendalikan oleh Misi Basel (Basel Mission), sebuah pusat misi beribu pejabat di Basel, Switzerland adalah untuk berdakwah kepada etnik Rungus secara besar-besaran bermula pada sekitar 1950- an.

Menurut Bahauddin et al. (2015), masyarakat etnik Rungus kebanyakannya ialah petani. Golongan wanita dalam etnik ini cukup terkenal dengan kemahiran membuat hasil tangan mereka (seperti membuat pakaian tradisional dan pelbagai jenis kraf tangan). Etnik ini turut memaparkan ikatan yang sangat rapat antara satu sama lain dengan adanya penglibatan semua ahli masyarakat dalam sesuatu perkara yang dilakukan. Etnik Rungus boleh dikatakan sebagai salah satu kumpulan etnik



yang paling tradisional di kepulauan Borneo. Kehidupan etnik Rungus begitu sinonim dengan kemahiran mereka dalam pertanian padi bukit. Bermula daripada proses memilih kawasan penanaman padi, pembersihan bukit, menanam padi di bukit, menjaga padi tersebut sehinggalah menuai hasil padi merupakan antara kepakaran etnik ini dalam pertanian tradisional. Selain itu, etnik Rungus amat terkenal dengan pengamalan budaya merentasi perubahan zaman dan masih mengamalkan gaya hidup tradisional masyarakat terdahulu pada masa kini. Secara tradisinya, sebelum proses penghasilan beras, masyarakat Rungus akan ke ladang padi huma (tagad) untuk mengetam padi (mongomot) menggunakan alat yang disebut sebagai linggaman. Linggaman diperbuat daripada kepingan besi yang kemudiannya dilekatkan kepada batang kayu yang kecil untuk dijadikan alat memisahkan padi daripada pokoknya.

Menurut Porodong (2004) para mubaligh Kristian yang disokong oleh pihak SBBU tersebut telah berjaya menarik ramai penganut *Bbiruhui* untuk menganut agama Kristian. Hal ini disebabkan oleh pendakwah Kristian telah menggunakan pendekatan serampang dua mata iaitu dengan membaiki bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan peribumi di Sabah dengan jayanya. Etnik Rungus yang memeluk agama Kristian tidak lagi mengamalkan upacara turun-temurun kerana amalan ini bercanggah dengan ajaran agama baharu dan sememangnya amalan ini dilarang keras oleh pihak gereja. Pada masa yang sama, dianggarkan kira-kira 70% daripada etnik Rungus beragama Kristian dan sebilangannya menganut agama Islam. Dengan kata lain, dianggarkan kira-kira 30% baki etnik Rungus masih mengamalkan kepercayaan *Bbiruhui* pada masa ini.

Dalam konteks etnik Rungus, mereka percaya bahawa dunia yang didiami mereka dihuni oleh pelbagai jenis semangat baik dan semangat jahat. Semangat baik membantu mereka manakala rogon, iaitu semangat jahat pula akan membawa penyakit dan bencana alam jika diganggu. Kehidupan seharian etnik Rungus sentiasa terikat dengan suatu bentuk hubungan antara alam manusia dengan alam ghaib. Kebahagiaan dan keselesaan hidup mereka bergantung pada keupayaan

kumpulan etnik ini untuk memupuk hubungan dengan semangat yang berada di alam ghaib. Namun demikian, rata-rata pengkaji sebelum ini menyedari bahawa etnik Rungus sebenarnya mempunyai agama turun-temurun mereka. Suatu andaian yang tidak tepat jika mereka dikategorikan sebagai pagan atau pengamal animisme semata-mata. Kedua-dua istilah ini membawa konotasi negatif terhadap kumpulan etnik tersebut. Selepas menemu bual beberapa orang sumber yang berwibawa seperti Rundabang (Ketua Bbobbolizan), Limpot (Ketua Kampung Guomon, Matunggong), Majial (Ketua Anak Negeri Matunggong) dan beberapa orang pemimpin tempatan lain yang arif dalam kepercayaan turuntemurun etnik Rungus, dapatlah disimpulkan bahawa kepercayaan asal etnik Rungus dikenali sebagai Bbiruhui. Dengan kata lain, rata-rata etnik Rungus merupakan penganut Bbiruhui sebelum kedatangan agama Kristian dan Islam ke bumi Sabah. Low (2006)

Menurut Torido Rumianggung (1999) menyatakan bahawa suku kaum Rungus pada masa dahulu merupakan masyarakat petani yang secara tradisional dipanggil sebagai Mutagad atau Mongumo (berladang atau berkebun). Menurut Ong Ouay (2008) dalam buku penulisannya "*Myths packaging Myths Tourism Of the Rungus Of Kudat*". Aktiviti pertanian pindah dijalankan di hutan primer atau sekunder yang telah diterangkan terlebih dahulu. Penanaman padi suku kaum Rungus melibatkan 3 jenis tanaman pada masa yang sama iaitu, semasa penanaman padi petani akan memasukan biji sayur-sayuran dan buah-buahan dalam padi tersebut selepas selesai penanaman padi mereka turut menanam jagung.

Menurut Miyamoto (2002) dalam kajian kesnya, melaporkan bahawa perbezaan antara animisme Rungus dengan agama (Kristian dan Islam) ialah para animis (animist) mengamalkan satu siri ritual pertanian yang diwarisi secara turun-temurun manakala penganut agama tidak berbuat demikian. Pendapat Miyamoto (2002), yang mengambil kira amalan ritual pertanian dalam melabelkan kepercayaan tradisional etnik Rungus sebagai animis adalah tidak tepat sepenuhnya. Pertama, etnik Rungus mempunyai mitologi yang menunjukkan mereka percaya bahawa adanya Tuhan yang dikenali sebagai Kinoringan. Mereka juga mempunyai


konsep balasan daripada Tuhan jika mereka berdosa. Seterusnya, mereka tidak memuja semangat alam sematamata, sebaliknya mereka mengendalikan pelbagai ritual melalui pakar upacara untuk menghubungi wakil Kinoringan apabila mereka berhadapan dengan masalah hidup seperti diserang penyakit atau ketika berlakunya bencana alam. Unsur-unsur kepercayaan yang sedemikian tidak terdapat dalam kalangan masyarakat pagan serta pengamal animisme. Jika diteliti, konsep kepercayaan etnik Rungus tradisional adalah lebih sesuai dilabelkan sebagai agama rakyat.

Menurut Appell (1976), sistem kepercayaan masyarakat Rungus tradisional terbahagi kepada tiga elemen kuasa supernatural iaitu Minamangun (pencipta atau *'the suprem of God'*), Rogon (roh jahat yang menyebabkan penyakit, kematian dan gangguan bencana) dan Hatod (roh manusia yang terdiri dari roh yang baik dan roh yang jahat). Kepercayaan ini adalah berasaskan kepercayaan animisme kerana suku kaum Rungus adalah pengamal animisme sebelum menerima Kristian dan Islam.

Menurut Paul (1997), nama Rungus yang digunakan sebagai panggilan kepada keseluruhan masyarakat Rungus pada hari ini adalah berasal daripada nama seorang individu. Si Rungus telah membina sebuah rumah dan tinggal di sebuah tanjung berhampiran pekan Kudat sebelum kedatangan penjajah (sebelum tahun 1881). Nama Rungus ini akhirnya digunakan oleh etnik lain seperti Iranun, Bajau dan Suluk yang tinggal di sekitar pekan Kudat sebagai panggilan kepada orang lain yang mempunyai persamaan dengan si Rungus. Akhirnya, panggilan "Rungus" tersebut digunakan sebagai nama rasmi bagi merujuk kepada etnik Rungus yang ada pada hari ini. Antara aktiviti ekonomi sara hidup etnik Rungus adalah dengan bertani. Antara produk pertanian tersebut ialah tanaman sayur-sayuran, jagung, ubi, pisang buah-buahan dan menternak haiwan. Pada hari ini terdapat juga etnik yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta.

### 2.3 Kerangka Teoritikal

Teori evolusi religi yang dikemukakan oleh Edward Burnett Taylor (1832-1917) dalam karya yang bertajuk *Primitive culture: research of development of Mythology, Philsophy, Religion, Language, Art dan custome* (1874). Teori ini diperkenalkan melalui istilah ‘animisme’ yang dipercayai keberadaan makhluk roh (*spiritual being*). Menurut Taylor evolusi yang berlaku dalam teori ini bermula pada jiwa masyarakat yang mempercayai roh atau kuasa ghaib sehinggalah masyarakat mempercayai Tuhan yang satu.



Carta 1: Kerangka teoritikal evolusi religi

Berdasarkan rajah 1, teori yang telah diperkenalkan oleh Taylor menjelaskan satu huraian tentang evolusi religi berdasarkan cara pandangan evolusionisme. Menurut Taylor evolusi religi yang pertama ialah manusia percaya bahawa alam sekeliling mempunyai jiwa berdasarkan perkara-perkara yang berlaku seperti berlakunya bencana. Dalam kajian ini, masyarakat suku kaum Rungus mempercayai bahawa setiap tanaman yang mereka tanam mempunyai jiwa yang harus dihormati seperti semangat padi. Oleh itu, masyarakat mengamalkan adat dan pantang larang penanaman padi kerana mempercayai padi mempunyai semangat dan roh yang harus dihormati melalui pemujaan padi bagi mendapatkan hasil tuaian yang banyak.

Evolusi yang kedua, animisme yang merupakan kepercayaan masyarakat terhadap roh dan kuasa ghaib yang mendiami alam semesta. Ciri-ciri ini berkait dalam kajian ini yang dilaksanakan oleh pengkaji, dimana masyarakat Rungus percaya terhadap amalan animisme seperti kuasa-kuasa jahat dan kuasa baik yang menjaga kawasan yang akan dibuka bagi penanaman padi. Oleh itu, masyarakat Rungus akan mengamalkan adat dan pantang larang penanaman padi bagi menjaga dan memujuk semangat padi agar tanaman mereka dipelihara.

Perkembangan yang ketiga, masyarakat mempercayai keesaan Tuhan. Berdasarkan teori yang dinyatakan oleh Taylor pada masa kini, adat dan pantang larang semakin kurang diamalkan oleh masyarakat suku kaum Rungus yang kini telah memeluk agama masing-masing (agama Islam dan agama kristian) kerana mempercayai keesaan Tuhan dan meninggalkan kepercayaan animisme yang bertentangan dengan ajaran agama. Hal ini kerana adat dan pantang larang berhubung kait dengan pemujaan semangat padi dan kepercayaan kepada roh dan kuasa ghaib yang memelihara tanaman tersebut. Dalam kajian ini suku kaum Rungus mengamalkan adat dan pantang larang yang melibatkan *bobolizan* sebagai penghubung dengan semangat padi disamping mengetuai upacara memujuk semangat tersebut dengan upacara sogit atau pun pensemahan seperti darah khinzir dan ayam kampung. Namun, teori yang dinyatakan oleh Taylor telah membuka mata masyarakat untuk mengamalkan agama dan meninggalkan amalan yang bertentangan dengan ajaran agama tersebut.

## 2.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil tinjauan kajian lepas didapati pengkaji terdahulu banyak mengkaji tentang adat dan pantang larang penanaman padi. Berdasarkan analisis kajian terdahulu pengkaji telah mendapati sesetengah kajian telah menjawab persoalan kajian khususnya tentang adat dan pantang larang penanaman padi. Namun pengkaji terdahulu mengkaji adat dan pantang larang secara umum tetapi tidak menyeluruh tentang kesan dan usaha pemuliharaan adat dan pantang larang tersebut. Oleh itu, pengkaji akan mengkaji tentang adat dan pantang larang penanaman padi di samping cuba untuk menyelesaikan persoalan kajian tentang kesan dan usaha pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi. Dalam kajian terdahulu, adat dan pantang larang berkaitan dengan teori evolusi religi di mana masyarakat suku kaum Rungus mempercayai kepercayaan animisme khususnya semangat padi dan kuasa ghaib yang memelihara kawasan penanaman padi. Namun kemunculan agam Kristian dan agam Islam telah mengubah cara penanaman padi secara tradisional kerana amalan tersebut bertentangan dengan ajaran agama tersebut.



## BAB 3

### KAJIAN METODOLOGI

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan proses dan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian. Menurut Sabitah Marican (2009) metodologi merupakan satu kaedah yang digunakan untuk melaksanakan kajian di atas subjek kajian yang tertentu mengikut disiplin yang teratur. Tujuannya adalah untuk menghasilkan kajian yang berkualiti dan sistematik. Dalam bab ini akan menjelaskan mengenai metodologi yang akan digunakan dan dilaksanakan oleh pengkaji iaitu berkenaan dengan kajian terhadap adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus.

Dalam kajian ini juga, penyelidik telah menggunakan pendekatan kajian yang bersifat etnografi yang merupakan bentuk kajian lapangan yang melibatkan kaedah pendekatan kualitatif. Etnografi juga merupakan satu penyelidikan saintifik yang bersifat semula jadi (field research). Menurut Creswell (2005) etnografik merupakan satu reka bentuk kajian yang praktikal untuk mengkaji suatu kelompok atau kumpulan tertentu. Berdasarkan kajian yang berbentuk etnografi maka maklumat kualitatif dapat menjelaskan dan menginterpretasi sesuatu amalan yang dikongsikan bersama dalam sesebuah masyarakat.

Ahmad Mahdzan Ayob (1993) menetapkan metodologi kajian sebagai langkah atau prosedur untuk mencapai segala objektif yang mana aktiviti kajiannya sudah tentu dilaksanakan mengikut kaedah sains. Setiap dapatan kajian yang diperoleh akan disusun berdasarkan metodologi kajian yang bersesuaian dengan projek penyelidikan. Dengan ini, pengkaji akan menggunakan kaedah tersebut untuk mengetahui adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus. Perbincangan mengenai metodologi yang akan digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data kajian merangkumi reka bentuk

kajian, persampel kajian, instrument kajian, teknik pengumpulan data, dan turut membincangkan kaedah analisis data dan jangkauan dapatan.

### **3.2 Rekabentuk kajian**

Reka bentuk kajian merupakan tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik. Menurut McMillan & Schumacher (1984) rekabentuk kajian adalah yang digunakan oleh penyelidik untuk melakukan penyelidikan dalam mengendalikan kajian, prosedur dan teknik yang akan digunakan dalam menjawab persoalan dalam kajian. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Kaedah kualitatif yang dipilih oleh penyelidik adalah temu bual dan pemerhatian. Data yang diperoleh melalui kaedah kualitatif ini akan diperoleh secara langsung oleh penyelidik daripada responden hasil daripada temu bual ataupun pemerhatian yang dilakukan.

Selain itu, reka bentuk kajian ini juga merupakan langkah-langkah atau strategi yang digunakan dalam penyelidikan. Kaedah ini dibentuk bagi memudahkan lagi proses pengumpulan maklumat berkaitan dengan kajian. Penggunaan kajian metodologi yang sesuai dalam kajian semestinya bersesuaian bagi tujuan untuk pengumpulan data, sukatan atau ukuran dan analisis data yang diperolehi.

#### **1.2.1 kaedah kualitatif**

Kaedah kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor dan Bogdan, 1984). Kaedah kualitatif terhasil daripada tiga kaedah seperti yang berikut (Patton, 1990) iaitu, kajian lapangan, kaedah pemerhatian, kaedah temu bual, dan kaedah kepustakaan. Kaedah kualitatif adalah satu kajian penyelidikan yang bergantung pada pandangan informan khususnya menanyakan soalan, mengumpul data, menjelaskan dan menganalisis perkataan dalam bentuk tema serta menjalankan unkuiri dalam bentuk subjektif.



### 3.3 Persampelan

Persampelan juga adalah salah satu aspek yang penting dalam membuat penyelidikan kerana ia memerlukan kesahihan, kebolehpercayaan dan kualiti hasil penyelidikan (Mat Teh, 2015). Persampelan ini juga telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan orang dan tempat, Selain itu, sampel kajian ini juga digunakan untuk mengkaji adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian. Persampelan bukan kebarangkalian adalah merupakan satu persampelan bukan secara rawak. Dalam persampelan bukan kebarangkalian ini, pengkaji telah menggunakan teknik bebola salji atau “snow ball” untuk mendapatkan maklumat mengenai adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus. Persampelan bebola salji atau ‘snow ball’ digunakan oleh pengkaji untuk mendapat maklumat tentang kesan dan usaha pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi suku Kaum Rungus. Selain itu, melalui teknik “snow ball” ini merujuk kepada sampel awal yang telah dipilih oleh pengkaji yang akan memperkenalkan sampel lain yang mempunyai pengetahuan mengenai tentang adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus. Teknik ini digunakan apabila pengkaji menemu bual informan yang telah dipilih seramai 7 orang dan setelah selesai bersoal jawab maka pengkaji akan meminta cadangan untuk menemu bual lebih ramai lagi informan yang mempunyai pengetahuan berkaitan dengan tajuk kajian. Kaedah persampelan ini akan berterusan sehingga pengkaji memperolehi maklumat yang dikehendaki sehingga mencapai objektif kajian.

Kaedah persampelan digunakan bagi bertujuan pengumpulan data yang tepat serta menjimatkan masa pengkaji semasa membuat kajian di kawasan lapangan. Selain itu kaedah ini digunakan oleh pengkaji disebabkan bersesuaian dengan tajuk kajian dimana apabila pengkaji tidak memperolehi senarai nama informan terutamanya berkaitan dengan isu sensitif ataupun yang hanya dibenarkan oleh pihak-pihak tertentu.

### 3.4 Instrumen kajian

Menurut Zahir Zainuddin (2014), komponen penting dalam setiap instrumen kajian adalah berdasarkan item atau soalan yang ingin diajukan mendapat maklum balas daripada responden yang terpilih. Instrumen kajian merupakan satu kaedah yang akan digunakan oleh penyelidik semasa menjalankan sesuatu kajian. Instrumen kajian digunakan sebagai asas dalam memperoleh maklumat seperti yang dikehendaki oleh pengkaji dalam mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan dalam kajian. Terdapat beberapa kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan seperti kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah kepustakaan.

### 3.5 Teknik pengumpulan data

Untuk menyiapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua teknik pengumpulan data iaitu kaedah primer dan kaedah sekunder bagi mendapatkan data yang sahih berkaitan dengan kajian. Kaedah primer adalah merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian iaitu dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual. Manakala, kaedah sekunder adalah menggunakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan merujuk kepada kepustakaan

#### 3.5.1 Sumber Primer

Menurut Rohana Yusof (2004) data primer adalah penyelidikan Sain Sosial dimana data tersebut berasal dari sumber asli atau pertama. Data asal yang dikumpul secara khususnya untuk menjawab persoalan kajian (Sabitha Marican 2005). Sumber primer adalah merupakan data yang dikumpul sendiri oleh pengkaji melalui dua kaedah iaitu kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual. Kaedah ini digunakan dalam melaksanakan kajian untuk memperolehi data yang diperlukan sehingga tepu. Sebelum membuat kajian, pengkaji telah berhubung dengan beberapa informan untuk menetapkan waktu untuk bertemu.

Kaedah pertama yang digunakan dalam sumber primer ialah kaedah pemerhatian. Menurut Moleong (2012), kaedah pemerhatian membolehkan pengkaji untuk melihat, memaknai dan merasai subjek kajian secara lebih menyeluruh. Sebelum kajian dilaksanakan, pemerhatian dan tinjauan ke lokasi kajian akan dibuat terlebih dahulu. Kaedah ini amat penting sebagai persediaan kepada pengkaji untuk meneruskan kajian seterusnya. Pengamatan yang tinggi diperlukan agar proses pengambilan data tidak terganggu. Dalam kajian ini melibatkan pengkaji untuk pergi ke tempat kajian lapangan, mencatat maklumat dalam buku catatan lapangan, merekod keadaan di lokasi serta menangkap gambar sebagai bukti. Melalui kajian ini, pengkaji dapat melihat proses penanaman padi dari sebelum, semasa dan selepas penanaman padi. Kaedah pemerhatian adalah merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian tanpa melibatkan sebarang komunikasi diantara pengkaji dengan responden. Dengan menggunakan kaedah ini pengkaji dapat melengkapkan lagi hasil kajian. Bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kaedah ini pengkaji telah melakukan pemerhatian di beberapa lokasi penanaman padi di kampung Jambutan Laya-Laya. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengenalpasti dan melihat sendiri cara pengamalan adat dan pantang larang penanaman padi secara tradisional.

Kaedah yang kedua, Menurut Patton (1980) kaedah temubual terdiri daripada temubual formal, temubual tidak formal dan temubual terbuka. Dalam kajian ini pengkaji memilih kaedah temu bual tidak formal bagi bertujuan untuk mengelakkan rasa kekok antara pengkaji dan informan. pengkaji juga turut menggunakan kaedah temu bual dalam proses mengumpul maklumat yang berkaitan dengan kajian. Dalam kajian ini juga, kaedah temu bual ini telah dilakukan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan yang terdapat pada objektif kajian. Dalam kaedah ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka dengan responden bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat. Temu bual secara bersemuka ialah salah satu cara pengumpulan data yang dilakukan dengan cara menemu bual secara langsung terhadap responden yang telah dipilih sebagai subjek dalam kajian untuk mendapatkan data yang sah secara langsung.

Kaedah yang seterusnya ialah, kaedah temubual. Dalam kajian ini selain membina hubungan yang baik dengan responden pengkaji akan menyediakan soalan yang berkaitan dengan kajian agar lebih menfokuskan kepada objektif kajian. Setiap perbualan akan dicatat dan direkod sebagai bukti data yang diperolehi tepat dan sah. Dengan ini, ia akan membolehkan lagi pengkaji untuk membuat analisis yang berkaitan dengan adat dan pantang larang penanaman padi, kesan dan usaha pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi. Dalam kajian ini, pengkaji telah menemu bual pengusaha penanaman padi yang masih mengamalkan penanaman padi secara tradisional. Kaedah temu bual mempunyai dua cara iaitu, secara simulasi adalah pertanyaan secara spontan berkaitan kajian yang ingin dilaksanakan. Kebiasaannya, soalan yang diajukan dalam kaedah ini tidak terlalu serius dan bersifat terbuka. Selain itu kaedah temubual secara berstruktur pula adalah soalan yang ingin dikemukakan sudah dirancang dan diatur terlebih dahulu. Soalan yang menggunakan kaedah ini kebiasaannya dilakukan bagi melihat keputusan yang konsisten untuk memperoleh objektif dan matlamat yang dikehendaki semasa melakukan kajian.

### 3.5.2 Sumber Sekunder


Sumber sekunder terdiri daripada bahan atau dokumen yang dikaji melalui pembacaan bahan bertulis maklumat yang telah dicatat di tempat lain. Sumber ini merangkumi jurnal, risalah, laporan tahunan jabatan, blog serta akhbar. Dalam kajian, sumber sekunder bukanlah data yang baru atau pengetahuan yang baru. Dalam sumber ini, melibatkan kajian keputsakaan yang menjadi sumber maklumat tambahan untuk memperolehi data-data berdasarkan kajian lepas tentang adat dan pantang larang penanaman padi bagi menjawab segala persoalan kajian. Selain itu, data sekunder dapat memberi sumbangan kepada maklumat dalam bentuk am mahupun empirical dan data yang telah diperolehi oleh pengkaji terdahulu dapat membantu dalam menjayakan kajian ini.

Antara kaedah yang digunakan dalam sumber sekunder ialah, kaedah kepustakaan iaitu kaedah yang digunakan oleh pengkaji sebelum dan selepas membuat kajian dengan mengumpul maklumat berdasarkan sorotan ke atas bahan-bahan ilmiah, jurnal, artikel serta laporan. Kaedah kepustakaan pada umumnya berupa bukti, catatan, atau laporan sejarah yang telah tersusun dalam surat khabar, baik yang dipublikasikan dan yang tidak dipublikasikan. Penggunaan kaedah ini mampu meminimalkan kos dan waktu, mengklasifikasikan permasalahan-permasalahan, menghasilkan persoalan kajian, dan memenuhi maklumat yang masih tidak cukup untuk menyempurnakan sesebuah kajian terbaharu. Data-data yang dikumpul disintesi dan dianalisis secara deskriptif dengan menggabungkan beberapa idea, pandangan dan dapatan kajian lepas bagi menghasilkan suatu gambaran yang menyeluruh berkaitan dengan adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus.

Selain itu, dalam menjalankan kajian ini pengkaji juga telah menggunakan kaedah rujukan internet iaitu “google” untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam menyempurnakan kajian ini. Dalam kaedah rujukan ini pengkaji telah melayari pelbagai laman web yang berkaitan dengan adat dan pantang larang penanaman padi.

### **3.6 Kaedah Analisis Data**

Menurut Corbin dan Strauss (2008) analisis data bukan setakat merekod dan membentuk tema untuk data yang dipungut tetapi menerangkan analisis data melibatkan penggunaan teknik seperti bertanya soalan, membuat berbanding terhadap data yang dikumpul dan kaedah lain untuk membentuk konsep berdasarkan data yang dikumpul. Dalam kajian ini pengkaji telah melaksanakan beberapa tahap untuk membuat analisis data. Berikut adalah merupakan carta aliran proses analisis data sumber primer dan sumber sekunder yang dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus.



Carta 2 : Carta aliran proses analisis data.

Rajah 3.1 menerangkan urutan proses analisis data kajian. Langkah pertama yang dilakukan sebelum membuat kajian dikajian lapangan penyelidik telah menganalisis dokumen berdasarkan kaedah sekunder dimana penyelidik membuat kajian dengan mengumpul maklumat berdasarkan sorotan kajian ke atas bahan-bahan ilmiah, jurnal, artikel serta laporan. Data-data yang dikumpul dalam kajian lepas dapat menghasilkan suatu gambaran yang menyeluruh berkaitan dengan adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus. Setelah selesai membuat menganalisis kajian lepas, penyelidik akan menukar audio rakaman yang telah diperolehi hasil daripada temu bual kepada dalam bentuk teks. Proses pertukaran audio kepada teks ini adalah telah dikenali sebagai proses transkripsi data hal ini sangat penting untuk mengelakkan sebarang maklumat tercicir dan memudahkan penyelidik untuk memahami data-data yang diberikan oleh responden. Seterusnya, setelah selesai menubah audio kepada teks maka penyelidik akan membaca semula data dan akan menentukan tema kajian. Selepas penyelidik telah mengenalpasti tema, langkah seterusnya yang diambil oleh pengkaji adalah dengan mengkategorikan tema yang telah dibuat mengikut sub kumpulan kajian. Setelah itu, penyelidik akan menggunakan proses triangulasi data dengan mengumpul maklumat dalam pelbagai teknik khususnya memalui pemerhatian dan temu bual secara berulang sehingga mendapat maklumat yang kukuh dan tidak



dapat diragukan lagi. Melalui proses triangulasi, penyelidik mampu meningkatkan kesahihan data berdasarkan penilaian dan semakan semula data boleh dilakukan dengan cara membuat perbandingan data yang dikumpul daripada pelbagai sumber (Merriam 2001). Seterusnya, membuat semakan untuk kesahan maklumat dan data setelah itu disempurnakan dengan membuat laporan kajian dalam bentuk dokumentasi.

### **3.7 Jangkaan dapatan kajian**

Jangkaan dapatan kajian adalah merupakan sesuatu yang akan dijangkakan oleh pengkaji yang akan berlaku terhadap objektif kajian pada hasil kajian nanti. Dalam objektif yang pertama, pengkaji akan menjangkakan akan mendapat atau memperoleh maklumat dengan lebih terperinci mengenai adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus. Dengan ini juga, pengkaji berharap agar kajian ini dapat membantu memberi pededahan kepada masyarakat tentang adat dan pantang larang yang diamalkan sepanjang penanaman padi sehinggalah musim menuai. Jangkaan dapatan kajian bagi objektif kajian kedua, pengkaji menjangkakan dapat mendapat data tentang kesan adat dan pantang larang dimana ianya terdiri daripada kesan negatif dan kesan positif pengamalan adat dan pantang larang penanaman padi. Hal ini kerana dipercayai jika gagal mematuhi adat dan pantang larang akan berlaku musibah



### 3.8 KESIMPULAN

Kesimpulanya, pengkaji dapat simpulkan bahawa prosedur-prosedur yang dirancang didalam bab 3 ini akan memudahkan proses penganalisan data sekali gus melancarkan proses kajian yang akan dilaksanakan. Hal ini demikian kerana pengkaji berupaya merungkai dengan lebih terperinci mengenai kaedah kajian yang ingin diguna pakai dalam menyempurnakan kajian ini. Pengaplikasian kaedah kualitatif yang sejajar dengan objektif kajian mampu memudahkan proses kajian pada masa-masa akan datang. Dengan itu, kajian ini menggunakan instrument pertama yang digunakan dalam kajian adalah pemerhatian. Bagi mendapatkan maklumat terlebih dahulu yang berkaitan dengan adat dan pantang larang penanaman padi pengkaji telah melakukan pemerhatian dan tinjauan terlebih dahulu di kawasan kajian. Tindakan ini dilakukan bagi memudahkan lagi proses untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian. Selain itu, pengkaji juga menyelitikan mengenai rekabentuk kajian, persampel kajian, instrumen kajian, teknik pengumpulan data, kaedah analisis data, serta jangkauan dapatan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian. Hal ini demikian kerana pengkaji beranggapan penggunaan kaedah, prosedur serta instrumen kajian yang bersesuaian dapat memudahkan kajian terhadap adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus.

Metodologi kajian yang diguna pakai seharusnya memiliki teknik yang sistematik bagi menghasilkan dapatan kajian yang mempunyai kesahan serta bermakna kepada projek penyelidikan yang dilaksanakan. Maka kerana itu dapat disimpulkan bahawa penggunaan metodologi kajian yang bersesuaian amat penting dalam pelaksanaan sesebuah kajian. Hal ini sekali gus membolehkan pengkaji membuat rumusan serta perbincangan yang akan diperjelaskan dengan lebih mendalam dalam bab berikutnya.

## BAB 4

### ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan mengenai hasil dapatan kajian iaitu analisis kajian dengan lebih jelas. Bagi mendapatkan maklumat kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan data-data berkaitan adat dan pantang larang penanaman padi di Kampung Jambutan Laya-Laya, Kota Marudu, Sabah. Hasil daripada data-data yang dikumpul adalah melalui dua teknik pengumpulan data iaitu kaedah primer dan kaedah sekunder. Temu bual telah dijalankan ke atas 6 orang responden yang terdiri daripada golongan tua di Kampung Jambutan Laya-Laya. Hasil daripada data-data yang dikumpul kesemua responden menerangkan tentang adat dan pantang larang penanaman padi. Berdasarkan pengalaman responden, mereka telah menjelaskan kesan-kesan adat dan pantang larang penanaman padi serta usaha pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi di Kampung Jambutan Laya-Laya agar tidak pupus ditelan zaman. Seperti yang telah dibincangkan dalam bab yang sebelumnya, temu bual dianalisis berdasarkan kaedah analisis transkrip yang dipecahkan mengikut tema. Kajiann ini juga dianalisis menggunakan pendekatan Teori Evolusi Religi (TER) bagi meninjau perubahan pengamalan adat dan pantang larang pada masa kini.

## 4.2 ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL RESPONDEN

Seperti yang telah dibincangkan pada penulisan awal bab ini, dapatan kajian yang diperolehi daripada 6 responden golongan tua yang telah ditemu bual untuk mengumpul data dan maklumat yang sahih tentang adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus di Kampung Jambutan Laya-Laya. Analisis ini terbahagi kepada 3 tema iaitu, adat dan pantang larang penanaman padi, kesan adat dan pantang larang penanaman padi, dan usaha pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi. Pandangan, pendapat serta cadangan responden menggunakan kod bagi melabel tema-tema yang dibentuk dalam analisis temu bual seperti berikut:

Jadual 1: Kod responden dan huraian

Sumber: Kajian Lapangan, 2020

Kod	Huraian
PK1-R1	Penduduk kampung 1
PK2-R2	Penduduk kampung 2
PK3-R3	Penduduk kampung 3
PK4-R4	Penduduk kampung 4
PK5-R5	Penduduk kampung 5
PK6-R6	Penduduk kampung 6
PRBS	Pertubuhan Rungus Bersatu sabah
TER	Teori evolusi Religi

Temu bual telah dijalankan ke atas 6 orang responden yang terdiri daripada golongan tua yang mempunyai pengetahuan tentang adat dan pantang larang penanaman padi suku Kaum Rungus di Kampung Jambutan Laya- Laya, Kota Marudu, Sabah. Kesemua responden terdiri daripada 2 orang lelaki dan 4 orang perempuan manalah kesemunya berbangsa Rungus serta terdapat 4 orang responden beragama Kristian manakala 2 orang lagi adalah pagan. Kesemua responden berumur diantara 60an hingga 80an. Huraian ini seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.2 berikut:

Jadual 2: Profil responden berdasarkan jantina, bangsa dan agama

Sumber: Kajian Lapangan, 2020

<b>Profile responden</b>	<b>PK1</b>	<b>PK2</b>	<b>PK3</b>	<b>PK4</b>	<b>PK5</b>	<b>PK6</b>
<b>Jantina</b> Perempuan		/		/	/	/
Lelaki	/		/			
<b>Bangsa</b> Rungus	/	/	/	/	/	/
<b>Agama</b> Kristian			/	/	/	/
Pagan	/	/				
Umur 60an-80an	/	/	/	/	/	/

Analisis temu bual responden ini dilaksanakan bukan sahaja untuk memperoleh memperolehi data-data yang diperlukan dalam kajian tetapi untuk mengukuhkan dapatan analisis kaedah kuantitatif. Perbezaan umur responden dapat varisai pendapat dan cadangan bagi tema kajian yang dibincangkan dalam jadual 4.3 berikut:

Jadual 4.: Senarai tema dan subtema temu bual

Sumber : Kajian lapangan, 2020

No	Tema	Sub Tema
A	Adat dan pantang larang penanaman padi	<p>A1 Pengetahuan responden tentang adat dan pantang larang.</p> <p>A2 Adat dan pantang larang penanaman padi yang diamalkan.</p> <p>A3 Perbezaan antara adat dan pantang larang penanaman padi masyarakat peribumi Sabah dan adakah masyarakat lain masih Mengamalkannya.</p> <p>A4 Adakah responden masih mengamalkan ada adat dan pantang larang.</p>
B	Kesan adat dan pantang larang penanaman padi	<p>B1 Kesan jika adat dan pantang larang diamalkan.</p> <p>B2 Kesan jika adat dan pantang larang tidak diamalkan.</p>
C	Usaha pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi	<p>C1 Pandangan responden untuk mengekalkan adat dan pantang larang</p> <p>C2 Cadangan memulihara adat dan pantang larang.</p> <p>C3 Usaha dari pihak lain</p> <p>C4 Usaha yang dilakukan oleh masyarakat setempat.</p>

### 4.3 ANALISIS ADAT DAN PANTANG LARANG PENANAMAN PADI

Analisis temubual bagi tema yang pertama terdiri daripada 4 pecahan subtema. Dalam tema ini akan menjelaskan tentang ada dan pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat suku kaum Rungus yang diwarisi sejak turun temurun. Hasil temu bual bersama responden kajian adalah seperti berikut:

#### 4.3.1 Pengetahuan responden tentang adat dan pantang larang.

Analisis tema ini merangkumi pengetahuan responden tentang adat dan pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat suku kaum Rungus. Berikut adalah pendapat kesemua responden bagi bagi subtema yang pertama:

*Ong it tilaan ku, adat om pantang larang diti yagko undang-undang it gagamaon tongo tulun gulu bahagi ko pamasi tongo tonomon. Nga, ong didino bo undang-undang diti okurang noh gamaon tu tongulun tokou miroyong noh.*

(Macam yang saya tahu, adat dan pantang larang ini merupakan undang-undang yang diamalkan oleh masyarakat pada masa dahulu bagi menghidupkan tanaman. Tetapi, pada masa kini undang-undang ini kurang diamalkan kerana pada masa kini, masyarakat telah mengamalkan ‘royong’)

(R1)

*It tilaan ku, undang-undnag ini bahagi ko pamasi parai. Undang-undang it gamaaon tu kakun agumu hasil parai om it kosuburuo tanah. Undang-undang diti, gagamaon kantad it gulu poh om nindahau dit molohing ku. Undang-undang diti gamaon antad noh mogihim tumo'on pananaman parai.*

(Yang saya tau, undang-undang ini untuk menghidupkan padi. Undang-undang yang diamalkan bagi menghasilkan banyak padi dan untuk kesuburan tanah. Undang-undang ini, diamalkan sejak dulu lagi yang diturunkan oleh ibu bapa saya. Dibuat dari mulanya pencarian kawasan yang dibuka untuk penanaman padi.)

(R2)

*Adeh, ong yoku mai, aso tililaan ku. Nunu it binoros di kuvo (R4) dino isan ginama dioti sid pogumaan.*

(Adeh, kalau saya, saya tidak tahu apa-apa. Apa yang akan dicakap oleh si (R4) itu yang mereka pernah buat.)

(R3)

*Mosti ko gamaaon tulun gulu yagko it nunu kosipaan dioti om niwaris kantad it gulu. Nga undnag-undang diti ogumu noh nakada sabab komojuan dot pomogunan,tandit poh dino agumu noh tulun tokou nokosuvang sambayang. Ka di mologhing ku gulu, undang-undang parai kosipan mongodim di bambarazon supaya mangajaga tonomon dioti. Poniagaan it apatut gamaaon om suhuton hiza mananom parai tu mangajaga om mongilak nunu it karaatan kontok sid gagamaon.*

(Wajib diamalkan oleh masyarakat dulu mengikut kepercayaan yang diwarisi sejak turun temurun. Namun undang-undang ini banyak yang telah dibuang sebab kemajuan dunia disamping masyarakat kita ramai yang telah mengamalkan agama masing-masing. ibu bapa saya berkata,undang-undang padi dipercayai untuk memanggil si bambarazon untuk menjaga tanaman mereka. Peraturan yang di patuhi semasa penanaman padi bagi menjaga kesuburan dan mengelakkan perkara buruk berlaku.)

(R4)

*Adat om pantang larang diti yagko dot undang-undang atau poniagan it it ginama bahagi ko manjaga katanangan do bambarazon bahagi ko manjaga tongo kosahtan dit sanganu tagad. Baiko ino boh tilaan ku, tau nobo ong i kuvo (R6)..*

Adat dan pantang larang merupakan undang-undang atau peraturan yang telah ditetapkan untuk menjaga keamanan bambarazon untuk menjaga atau kesihatan pemilik ladang. Itu saja saya tau pasal adat ni, tidak tahulah kalau si (R6)..

(R5)



*Ong it tilaan ku..mongohormat bambarazon om mongintahan tongo tonomon  
supaya it samangat parai om it pogumaan amu kotigong.*

(Kalau yang saya tau.. menghormati bambarazon, meningkatkan tanaman padi agar semangat padi atau kawasan tidak terkejut)

(R6)

Secara keseluruhan bagi analisis bagi subtema ini, Kesemua responden mengakui adat dan pantang larang merupakan undang-undang yang diamalkan oleh masyarakat pada masa dahulu bagi menghidupkan tanaman yang diperturunkan kepada generasi ke generasi untuk diamalkan bagi menjaga keaman masyarakat serta menghormati semangat padi iaitu bambarazon. Seiringan dengan pernyataan Nor Hayati Mohd Saharin (2008) pantang larang ialah satu sistem peraturan dalam hidup dan undang-undang. Sekiranya sesuatu pantang larang dilanggar, sama ada dari segi perkataan atau perbuatan akan mendatangkan akibat yang buruk ke atas individu atau masyarakat . Selain itu, menurut beliau juga, pantang larang merupakan kawalan sosial sesebuah masyarakat yang sewajarnya dipelajari dan diamalkan oleh setiap golongan masyarakat serta diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang baharu. Maka dapat disimpulkan, pandangan kesemua responden tentang adat dan pantang larang sebagai tauladan generasi yang akan datang

#### **4.3.2 Adat dan pantang larang penanaman padi yang diamalkan.**

Analisis temubual bagi subtema ini membincangkan tentang adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus. Berikut adalah adat dan pantang larang penanaman padi:

*Ong it tandaman ku lah, ogumu adat om pantang larang dau kantad noh it  
mangasok parai, hiza mangasok parai om it hiza mongomot parai... kogulu po  
mangakap , salapas dino Mangaraha pantang nopo dau tolu tatau opongo monduk  
amu obuli sumori tagad tu mongilak nunu it karaatan berlaku... iri ogi om rumilik  
no om tumutud nah opisok po it tapui varo no pantang inono amu obuli lumanjang*

*sid tengah-tengah tagad tu i Galong mamanan yang ko tapui tagazo...nah tolu no tatau vagu amu obuli sumorid tagad,kotolu po tatau it sanganu mamanan no sid tagad tu monduk no pangagamaan dundung... opongo po kavi ri nag Mangaraha no vagu tu pongodiman ogi di Bambarazon.. nah ong opongo no kavi hiza sid mongomot, tolu no tatau berjurut jurut mongomot om mintoron sid kotolu tatau tu Mangaraha tolu manuk garason sid tagad... baiko ino it tandaman ku, ogumu bino katapatan no nga nolingan ku noh...*

(Kalau yang saya ingatlah. banyak adat dan pantang larang dia dari sebelum menanam padi semasa menanam padi dan semasa menuai padi...Terlebih dahulu mencari kawasan penanaman padi..lepas itu Mangaraha pantang dia 3 hari selepas membuat tanda tidak boleh datang ke kawasan tersebut bagi mengelakan perkara buruk berlaku..lepas itu rumilik dan tumutud setelah api itu tepadam pantang dia tidak boleh berjalan ditengah-tengah ladang kerana ada si Galong lalu dia ni menyerupai api yang besar..lepas tu 3 hari lagi tidak boleh datang diladang, ketiga hari tu pemilik ladang ke ladang untuk membuat tanda sebagai kawasan yang sesuai untuk membuat pondok.. selepas siap semua tu Mangaraha bagi tujuan memanggil semangat padi atau si bambarazon..nah kalau suda siap tu ketika tiba musim menuai pula, 3 hari berturut-turut menuai dan akan berhenti pada hari ketiga untuk mangaraha 3 ekor ayam di sembelih diladang..itu saja yang saya ingat sebenarnya banyak lagi tu tapi saya lupa suda)

(R1)

*Sobolum momuka tagad ong varo kopizo nah amu no ajadi muli no vago sid valai baiko timunpuut suvab no gau sampai no kimot tapak tagad it taso kopizo...iri ogi rumilik oh om okorop po it rilik iri ogi om tumutud nah opisok po it tapui it sanganu tagad amu obuli lumanjang sid tengah-tengah tagad tu varo i galong , i galong ti yangko tulun nga tapau banal ko ahakang nah kosuni poi parai galong ti jumadi noh todou-odu... opongo po tumutud sangadau amu obuli rumikot sid tagad ino inga suvab vagu om kibo ogi nah mongovit noh tobu, dalai om totodukon kosuni po iri tumunpuun ogi mangasok...opongo po mangasok manganu no lotung om 3 manuk tu pangaraha di tonduk... mansak poi parai 3 no manuk pangaraha om sangadau*

*amu obuli kibo om kalanjang sid parai... iri po mongomot ong mavi avi no it tomoton baiko mongobi tu tonomon... potonidon it parai takanaon om it tonomon tahun vagu...iri po mogulok noh mangarah no vagu om iri ogi mangagama tinapung oviton sid tagad...opongo po mogulok posuvangon no sid lingkut.. sid tadau terakhir nah mangagama nobo pinapakann tu manambut di Bambarazon om mamasi no palad nah ino dino baiko iso vogok garason mangramai di bambarazon om it todou-odu..*

(Sebelum membuka sesuatu kawasan atau ladang jika didapati ada kopizo mereka haruslah balik kerumah dan memulakan pencarian kawasan sehingga menjumpai kawasan yang tiada kopizo...rumilik lepas tu tunggu kawasan tu kering dan baru lah bakar ladang tu, selepas api tu padam, pemilik tidak boleh jalan ditengah-tengah ladang dan membuat tonduk, pada ketika itu, di tengah-tengah ladang ada seseorang yang akan berjalan dikenali si galong dia ni macam orang tetapi besar macam bayang-bayang dan bila padi tu tumbuh dia akan berubah menjadi katak yang kecil dipanggil todoudu..selepas bakar ladang sehari tidak boleh datang hari yang seterusnya baru mereka datang ke ladang dengan membawa tebu, jagung untuk ditanam di kawasan tonduk... setelah itu, selepas jagung dan tebu tumbuh maka bermulalah penanaman padi.. selepas selesai tanam padi pemilik akan ambil lotung dan bawa 3 ekor ayam bagi tujuan memanggil bambarazon, selepas padi tumbuh maka mula la menebas rumput dan membuat sulap di tonduk...selepas padi masak selama 3 hari di ladang untuk membuat upacara mangaraha sebanyak 3 hingga 4 ekor ayam, selepas itu sehari tidak boleh datang ke ladang dan tidak boleh jalan di tengah-tengah padi..ketika padi hampir habis dituai mesti kasih tinggal sedikit untuk padi yang akan ditanam.. pemilik juga akan mengasingkan tuaian tersebut untuk makanan dan benih untuk ditanam pada tahun hadapanya.. ketika mogulok padi harus membawa ayam dan manapung untuk dibawa ke ladang. Setelah mogulok padi akan dimasukan dalam lingkut..pada hari terakhir pemilik harus membuat pinapakan untuk menyambut bambarazon dan memasih palad dan memerlukan 1 ekor khinzir bagi tujuan moguhok bambarazon dan merayaakan todou odu..)

(R2)

*Ong it tilaan ku... monduk tonduk salapas mangaraha... it tonduk ri varo turu  
luvang to ponogit tonomon om amu obuli pada bakul kantad sid sulap*

(Yang saya ingat... membuat tanda menggunakan kayu...tanda kayu itu ada 7 lubang yang di bagi Sogit tanaman dan tidak boleh buang bakul dari pondok)

(R3)

*Awajib dino mangagama tonduk.. ong it tidi ku, nisisip dau it tangol sid saging om  
mangasok no parai ino ogi tuntugan no vagik bagi ko momodsu si parai tu pamasi  
do parai... ong kavaza sid tagad tulun it mangasok parai baiko mapit polaid  
mangasok amu obuli tumalib i ong nopongo no mangasok om kavazo sid tagad  
noah mogihim dit luvang it varo nokoromizas parai om posuvangan noh sid luvang  
iri ogi om mitalib, ong amu vozoon diti pantang diti it tagad navazaan opunso it  
tongo tonomon... amu obuli pada bakul kantad sid savat sulap tu mogilak it parai  
kotigog... sobolum monimpuun mongomot parai it tongo tanganak torutama it  
tanganak tongondu amu obuli tumudu monolung tu rumosi it tanganak kumahag,  
tugulu insan oku kimot di tidi ku posodia sid tongkob patamtamon i tongo bakul, ka  
di tidi ku supaya mongilak it tongo tanganak akasau dit semangat parai om it  
Bambarazon.. it ponimpunan it parai ri amu obuli akan gulu tokou baiko  
poguluvonon po laid it tongo tasu, tusing om it tongo dupot sid natad..*

(Wajib buat tanda menggunakan kayu tu..kalau yang ibu saya, akan menyelitkan parang di saging lalu menanam padi dan dituang dengan air bagi memandikan padi bertujuan menghidupkan tanaman tersebut.. jika lalu diladang orang yang sedang menanam padi tidak boleh melalui ladang tu tanpa menanam padi manakala apabila ladang itu sda siap d tanaman maka dikehendaki memasukan padi yang bertempiran ke dalam lubang barulah boleh melalui ladang tersebut, kalau tidak ikut pantang ni maka ladang yang dilaluinya akan musnah tanamannya..tidak boleh membuang bakul dari atas sulap bagi mengelakan padi itu terkejut..sebelum menuai padi yang pertama anak-anak terutamanya perempuan tidak boleh menyentuh padi bagi mengelakkan anak itu berkelakuan tidak senonoh, sebab dulu saya pernah tengok mama saya buat persediaan dalam bilik tu dia buang-buang bakul dengan

kasar menurut mama saya, bagi mengelakkan anak-anaknya dikacau oleh semangat padi atau bambarazon..padi pertama yang ditumbuk tidak boleh dimakan oleh manusia dan harus dibagi kepada haiwan seperti anjing , kucing dan sebagainya)

(R4)

*Sobolum momuka do tumoonit sanganu mamananau to momorisa dit tumoon. Ong varo do Kopizo sid pomukaan diri ulian pos sid valai om suvab dau tuminpun no vagu mogihim pomukaan tagad it taso do Kopizo... Ong kimot noh pomukaan tagad it mingaam nak tumimpuun nobo rumilik om tumutud no ong amu ozorob it tongo kazu tagazo timinpuun nobo yoti mongintavun... Sobolum po mangasok parai, poguluvonon po laid mangasok dalai om mumba sumilou it dalai tuminpuun nobo mangsok parai..sobolum po mangasok parai nah Moguhok nobo 2 manuk ikogos sid tonduk tu mongodim do di Bambarazon...Hiza mongomot dino it sanganu amu obuli mongot parai sambarangan inoinga mongomot tolu hongkos om tolu bakul iyatag ogi sid tongkob om ikogos ogi sid tinigusan pongo iri mongot no vagu tolu bakul om susunon ogi ogi sid tongkob purodo, minsusuvab po ri nah noh buli mongomot tu mongohormat di Bambarazon... lapas diri Mangaraha no vagu tu mogilak it samangat parai kotigog...*

(Sebelum membuka sesuatu kawasan (ladang) pemilik dikehendaki memeriksa keadaan. Jika terdapat kopizo di kawasan tersebut maka mereka akan pulang kerumah dan memulakan pencarian kawasan baru yang bebas daripada kopizo...Setelah menjumpai kawasan yang sesuai mereka akan menebas rumput lalang dan membakar kawasan tersebut jika kawasan itu masih mempunyai kayu-kayu besar maka mereka akan memulakan mengumpul kayu yang tidak hangus.. sebelum menanam padi mereka akan menanam jagung dan apabila jagung itu mula menguning maka bermulalah menanam padi..Sebelum menanam padi 2 ekor ayam harus diikat pada kayu bagi moguhok bagi memanggil Bambarazon...Semasa menuai padi pemilik tidak boleh mengetam padi sembarangan melainkan 3 ikat padi lalu disimpan di 1 bilik khas untuk penyimpanan padi dan diikat di sudut rumah yang paling tinggi setelah itu mengetam padi 3 bakul dan disusun secara membulat di bilik tersebut dan keesokan harinya mereka tidak boleh mengetam bagi



memberi penghormatan kepada si *Bambarazon*...Upacara *Mangaraha* akan dilakukan bagi mengelakan semangat padi terkejut sebelum menuai padi)

(R5)

*Banal dino nunu binoros di kuvo R5 nga ong yoku bo asi tilaan ku varo tolu hongkos tolu bakul nga insan oku korongou la adat dino binoros dau ino kantad sid pomogunan sampaping hiza it tapa dau mogihim dit sandang dau natagak... ka di tama ku, 3 tatau mongomot baiko ponimpunan om sid kotolu tatau no vagu bah mangagama nobo dot gagamaon Mangaraha... amu obuli omot it parai sampai avi ino inga mongodi tokudit sobolum Rahaon vagu dang tiasok... amu obuli omoton it turu tonduk inono po dino tiobi di Bambarazon kabo...*

(Betul apa yang dicakap oleh PK5 tetapi saya tidak tahu pula tentang ada 3 ikat 3 bakul tetapi saya pernah mendengar adat itu berasal dari kampung sebelah ketika bapa R5 mencari gongnya yang hilang... Menurut bapa saya, 3 hari menuai untuk permulaan dan pada hari ketiga itu akan mengadakan upacara *Mangaraha*...Tidak boleh menuai padi sampai habis dan harus meninggalkan sedikit padi sebelum *Mangaraha* bagi padi yang akan digunakan untuk ditanam...Tidak boleh tuai yang 7 tonduk sebabnya itu ditinggalkan untuk makanan *Bambarazon*)

(R6)

Analisis tembual bagi tema kedua yang diperolehi 4 pecahan subtema membincangkan tentang ada dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus seperti berikut:

### **1. Adat penanaman padi**

Berdasarkan analisis ini, pengkaji telah mendapati adat penanaman padi dimana ianya terdiri daripada 3 peringkat iaitu, sebelum penanaman padi, semasa penanaman padi dan semasa menuai seperti berikut:

Sebelum penanaman padi, kesemua responden mengakui bahawa adat ini dimulakan dengan *Mangkap* dia mana adat ini digunakan untuk mencari kawasan penanaman padi. Berdasarkan hujah kesemua responden, menjelaskan

ketika mencari kawasan tersebut seharusnya kawasan itu sesuai untuk di jadikan ladang namun begitu, jika pemilik menjumpai *Kopizo* (haiwan pemusnah) maka pemilik tersebut harus pulang kerumah dan akan memulakan pencarian kawasan keesok harinya sehingga menjumpai kawasan yang bebas daripada *Kopizo*. Setelah menjumpai kawasan tersebut pemilik akan menebas rumput dan menebang kayu dan disusuli dengan adat *Tumutud* (bakar ladang) seperti dalam rajah 3 di bawah. Kenyataan ini turut disokong oleh Hanafi Hussin (2005) semasa hendak buka tanah untuk penanaman padi dan juga tanaman-tanaman lain, *Bobolizan* dipanggil dalam upacara ritual untuk meminta izin daripada semangat tanah dan hutan. Ia perlu dilakukan agar kerja-kerja penebangan hutan dan pembukaan tanah agar tidak diganggu oleh semangat-semangat tersebut.



Rajah 2: Adat *Tumutud*

Sumber: Kajian lapangan, 2020

selepas adat pembakaran ladang jika masih mempunyai kayu-kayu yang tidak terbakar maka pemilik akan memulakan adat *Mongintavun* seperti dalam gambar 4 dibawah. Namun selepas api dipadamkan pemilik dilarang untuk berjalan ditengah-tengah ladang tersebut kerana si *Galong* akan melalui kawasan tersebut untuk menjaganya.





Rajah 3: Adat Mongintavun

Sumber: Kajian Lapangan.2020

Menurut kesemua responden juga upacara *Mangaraha* adalah penting selepas pembersihan ladang tersebut dan adat ladang selepas pembersihan ladang adalah tidak boleh turun ke ladang selama 3 hari. Pada hari ketiga, pemilik akan *Mangaraha* di kawasan tersebut bagi adat *Mononduk* dengan membawa 3 ekor ayam untuk dipersembahkan kepada semangat padi dan juga *Bambarazon*. Menurut R2 pula *Tonduk* (sebatang kayu yang dipacak) tersebut mempunyai 7 lubang bagi di isi dengan padi adat, *Mononduk* adalah sebagai tanda pembinaan *Sulap* (pondok).



Rajah 4: Seorang responden membuat *Tonduk*

Sumber: Kajian lapangan, 2020

Setelah selesai bagi adat *Mononduk* maka pemilik akan mengadakan *Mangaraha* sekali lagi bagi tujuan memanggil semangat padi dan semangat *Bambarazon*.

Seterusnya adat semasa penanaman padi, menurut hujah-hujah responden, sebelum menanam padi pemilik dihendaki membawa jagung, tebu dan sebagainya untuk ditanam terlebih dahulu sebelum memulakan penanaman padi dan apabila jagung mulai tumbuh maka pemilik akan mengadakan upacara *Mangaraha* 2 hingga 3 ekor ayam untuk menjemput *Bambarazon* menjaga penanaman padi tersebut. Menurut kesemua responden, lepas *Mangaraha* maka penanaman padi di lakukan seperti dalam gambar 2 dibawah:



Rajah 5: Penyelidik bersama R2 dalam adat menanam padi

Sumber: Kajian lapangan, 2020

Seterusnya, ketika menuai padi kesemua responden juga mengakui bahawa setelah 3 hari menuai padi, pada hari ketiga harus mengadakan upacara *Magaraha* bagi mengelakan padi tersebut terkejut.. Menurut r2 pula bagi adat menuai padi pemilik akan mengasingakan hasil tuaian yang akan dimakan dan digunakan sebagai padi yang akan ditanam pada tahun seterusnya. Selepas menuai padi, adat seperti *Mogulok* dilaksanakan disamping akan membuat *Tinapung* (beras yang ditumbuk menjadi tepung) sebagai makan di *Sulap* sebagai bekalan dan pada hari terakhir menuai padi pemilik mengadakan perayaan *Magahau* dengan membuat *Pinapakan* (mezbah korban sembelihan) bagi menghargai semangat padi disamping untuk memberi laluan kepada *Bambarazon* untuk kembali ketempat asalnya.

## 2. Pantang larang penanaman padi

Berdasarkan analisis temubual mendapati bahawa pantang larang penanaman padi yang pertama ialah selepas membakar ladang pemilik tidak boleh berjalan ditengah-tengah ladang setelah api padam. Hal ini kerana ianya memberi ruang kepada si *Galong* untuk lalu di kawasan tersebut. Menurut R1 *Galong* menyerupai api yang besar, manakala bagi R2 menyatakan *Galong* merupakan orang yang hitam dan akan menyerupai katak yang lebih dikenali *Toduodu* ketika padi itu tumbuh dalam kalangan masyarakat suku kaum Rungus. Pantang larang ini bagi mengelakkan perkara buruk berlaku seperti ketidak suburan tanaman padi.

Selain itu, kesemua responden mengakui bahawa tidak boleh datang ke ladang selama 3 hari selepas *Tumutud* (membakar tapak kawasan ladang). Menurut kesemua hujah responden pantang larang ini memberi ruang kepada pemilik ladang untuk mempersiapkan upacara *Mangaraha*. Pantang larang ini juga jika tidak diamalkan akan menyebabkan semangat padi akan marah dan merajuk kerana merasa tidak dihormati.

Seterusnya, jika lalu di kawasan ladang orang lain maka individu tersebut tidak boleh lalu begitu sahaja, hal ini kerana menurut R4 individu yang lalu seharusnya *Mangasok* (menanam padi) jika pada ketika itu pemilik ladang tersebut menanam padi tetapi jika pemilik ladang itu sudah siap menanam padi maka individu yang lalu akan memasukkan padi yang bertempiran ke dalam lubang dan menutupinya agar *Kopizo* tidak menjumpai padi tersebut.

Seterusnya, tidak boleh membuang bakul dari pondok. Hal ini dijelaskan oleh R4 dan turut disokong oleh R3, pantang larang ini bagi mengelakkan semangat padi itu terkejut dan semangat ini boleh datang atau kembali semula ke tempat asal jika ia dipanggil atau dipujuk. Untuk mengetahui semangat padi itu sama wujud atau tidak, boleh dilihat pada pokok padi dan hasil pengeluarannya. Jikalau padi itu hidup dengan subur, daunnya segar, pokoknya besar dan banyak anak serta banyak buahnya, itu menunjukkan bahawa

semangat padi itu ada dan kuat. Tetapi andainya pokok padi itu kerekot, hidup tidak subur, berpenyakit, banyak musnah dan buah tidak menjadi, maka keadaan itu dikatakan semangat padinya lemah atau telah berpindah ke tempat lain. Menurut responden bagi mengelakkan semangat padi yang telah lari ke tempat iain itu perlu dipujuk agar ia kembali semula ke tempat asalnya dan hendaklah diberi layanan baik yang boleh menyukakan hatinya. Layanan yang baik itu maksudnya menjalankan segala upacara yang telah ditetapkan. Menurut penjelasan responden jika semangat padi tekejut maka pelbagai perkara buruk berlaku seperti sakit penyakit, kemusnah tanaman dan yang seumpama dengannya.

Menurut R4, sebelum menuai padi anak-anak tidak dibenarkan membantu dan menyentuh padi terutamanya anak perempuan. Hal ini kerana bagi mengelakkan anak tersebut berkelakuan yang tidak senonoh. Jelas beliau pada ketika dahulu beliau pernah melihat ibunya membuat persediaan dalam sesuatu bilik dengan buang-buang bakul dengan kasar, ibu beliau turut menjelaskan perbuatannya bagi mengelakkan anak-anaknya dikacau oleh semangat padi atau *Bambarazon*.

Padi yang diproses menjadi beras dengan menggunakan kaedah tradisonal dengan cara *Tumutu* (menumbuknya di lesung) tidak boleh dimakan oleh pemilik mahupun keluarganya dan harus mendahulukan haiwan seperti anjing, kucing dan sebagainya bagi berkongsi rezeki disamping memberi layanan yang baik kepada *Bambarazon*. Hal ini kerana layanan yang buruk dan tidak mematuhi pantang-larang yang ditetapkan menyebabkan semangat padi itu lari ke tempat lain dan menjadi lemah kekuatannya. Keadaan ini boleh menyebabkan perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku disamping memberi pengajaran kepada masyarakat yang melanggarkannya.

Tambahan, pemilik ladang tidak boleh mengetam padi sembarangan. Menurut R5 dalam menuai padi pemilik tidak boleh mengetam padi sembarangan pada permulaan menuai padi melainkan 3 ikat padi lalu disimpan di 1 bilik khas untuk penyimpanan padi dan diikat di *Tiningusan* (sudut rumah

yang paling tinggi) setelah itu mengetam padi 3 bakul dan disusun secara membulat di bilik tersebut dan keesokan harinya mereka tidak boleh mengetam bagi memberi penghormatan kepada si *Bambarazon*.

Seperti yang dibincangkan dalam adat responden PK6 menghujah bahawa, pemilik tidak boleh mengetam padi yang berada di 7 *Tonduk* (7 tanda ). Hal ini kerana padi yang ditanam secara padat dalam 7 *Tonduk* sebagai makanan dan dipersembahkan kepada *Bambarazon*.

#### **4.3.3 Perbezaan antara adat dan pantang larang penanaman padi masyarakat peribumi Sabah dan adakah masyarakat lain masih mengamalkannya.**

Analisis bagi subtema ini adalah membincangkan tentang perbezaan adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus dengan suku kaum yang lain di Sabah. Disamping akan menganalisis jika responden mengetahui pengamalan masyarakat lain. Analisis bagi subtema ini adalah seperti berikut:

*Varo pitonidan...Em sokoviai bangsa sitid sabah diti varo dot adat om pantang larang kondiri..ong varo poh Bobolizan nah adat om pantang larang diti kakal it gamaon..Nga nunu it obuli tiambat ku diti iri noh tialaan ku pasal diti adat om pantang larang bangsa tokou.*

(Ada perbezaan dengan suku kaum lain..em dimana setiap suku kaum di Sabah ini mempunyai adat dan pantang larang yang tersendiri..selagi ada bobolizan selagi itu masyarakat lain juga akan mengamalkan amalan mereka..tetapi apa yang saya boleh jawab, saya hanya mengetahui adat dan pantang larang kaum kita)

(R1)

*Mitanid mai kantad bangsa vokon..ong iti soritaon ku iti baiko dang ko Rungus banal..arasaan ku bangsa vokon nga kakal it mangamal diti undang-undang pananaman parai yagko bangsa Tobilung,Dusun om it bangsa vokon..*



(Berbeza dari kaum lain..yang saya ceritakan ini adalah hanya untuk kaum rungus sahaja..Saya rasa kaum lain juga masih mengamalkan undang-undang penanaman padi seperti Tobilung, Dusun dan suku kaum yang lain)

(R2)

*Amu mai banal ilaan ku oi...Nga ong it tilaan ku bangsa vokon nga varo dot undang-undang sid kohidupan dioti...Sabab dino, it gulu aso bogima tongo palajaran om it tongo sasanggih.manjadi baiko amalan dot gulu-gulu yangko undang-undang dot kosipan tokou dang kanu hasil togumu sid gagamaon.*

(Saya tidak berapa tau lah...tetapi setahu saya kaum lain juga mempunyai undang-undang dalam kehidupan mereka...sebabnya dulu tidak mempunyai kecangihan atau pendidikan macam sekarang. Jadi amalan tradisional seperti undang-undang merupakan kepercayaan kita untuk mendapatkan hasil dalam pertanian)

(R3)

*Bahagi ko doho varo piabalan yagko diti undnag-undnag kantad mumba mongumo, nah bangsa Dusun nga varo udang-undang diti.. o mad varo e mangamal sabab sitid Sabah diti it sid kampung-kampung okon ko sambayang kavi manjadi sukul poh varo Bobolizan mimang varo i tulun mangagama diti dang ponorus koposizan.*

(Bagi saya ada persamaan macam undang-undang sebelum menanam padi..suku kaum Dusun juga ada undang-undang tersebut.. yaa macam masih mengamalkan sebab di Sabah ini yang di kampung-kampung bukan semua orang memeluk agama, maka selagi ada *Bobolizan* sudah tentu mereka juga masih mengamalkan bagi kelangsungan hidup)

(R4)

*Varo pitonidan.. bangsa vokon sitid Sabah nga kakal i ogumu it tokuat mangagama diti amalan torutama Dusun nobo*

(Ada perbezaan..kaum lain di sabah juga masih ramai yang kuat mengamalkan amalan tersebut terutamanya Dusun)



(R5)

*Banal bo? Arasan ku mad aso pinonidan boi, sabab yoti nga varo i Bobolizan, i tokou nga miabal..kakal e sabab sukul po varo Bobolizan om gugumama yagko i tokou iti sid tongo burul-burul mosti oporlu dot undang-undang dang kaamanan tokou*

(Yaka? Saya rasa macam tiada perbezaan itu, sebab dorang pun ada *Bobolizan* kaum kita pun sama.. masih sebab selagi ada *Bobolizan* dan pertanian macam kita ini yang di bukit-bukit pasti akan memerlukan undang-undang untuk keamanan kita)

(R6)

Secara keseluruhan analisis temubual dalam subtema ini mendapati 3 daripada 6 responden mengakui ada perbezaan tentang adat dan pantang larang penanaman padi diantara suku kaum Rungus dan suku kaum lain di Sabah. Hal ini kerana mereka percaya setiap kaum mempunyai adat dan pantang larang yang tersendiri. R1 menghujah bahawa selagi kaum-kaum lain masih mempunyai *Bobolizan* maka mereka juga mempunyai peraturan dalam kehidupan mereka khususnya penanaman padi.

Manakalah 2 responden, mengakui tidak mempunyai perbezaan diantara adat dan pantang larang yang diamalkan dalam penanaman padi. Hal ini kerana menurut R4 adat dan pantang larang sebelum penanaman padi adalah sama dengan suku kaum lain khususnya kaum Dusun. Ia turun disokong oleh R6 kerana selagi pengamalan adat dan pantang larang bersumberkan *Bobolizan* di tegaskan adalah sama kerana masing-masing mempunyai unsur ritual dalam pengamalannya bagi menghormati semangat padi. Berdasarkan tinjauan kajian lepas, menurut Minah Sintian (2013) menjelaskan masyarakat kadazan dusun percaya bahawa melalui kepercayaan dan ritual budaya tradisional yang diwarisi turun temurun seperti amalan *Patod*, *Labol*, *Mongungkias do rinda*, *Manalob*, dan *Mamahui pogun* dapat mengimbangi kelestarian alam.

Walaubagaimana pun menurut R3, mangakui tidak yakin dengan perbezaan adat dan pantang larang kerana beliau percaya, setiap kaum mempunyai undang-undang

dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana, pada ketika dahulu tidak mempunyai kecanggihan, pendidikan atau kemudahan khususnya dari segi perubatan. Oleh itu, dengan pengamalan adat dan pantang larang mereka dapat mengekalkan keamanan masyarakat setempat. Hal ini disokong oleh Sabariah Abdullah (2005) yang menyatakan pada dasarnya, penggunaan pantang larang ini mempunyai sebab musababnya yang tertentu dan tujuannya yang paling utama adalah untuk mendidik, menjaga keselamatan dan keamanan setiap anggota masyarakat tersebut.

Secara keseluruhan analisis subtema ini menjelaskan majoriti responden mengakui bahawa suku kaum lain di Sabah juga masih mengamalkan adat dan pantang larang penanaman padi.

#### **4.3.4 Adakah responden masih mengamalkan ada adat dan pantang larang.**

Berikut adalah analisis yang menjelaskan diantara kesemua responden yang tidak dan masih mengamalkan amalan adat dan pantang larang penanaman padi:

*Ong yoku bo, amu noh insan mangagama diti adat lapas po aso noh sino it molohing ku... sabab oku ti banal ko osusah mongohondom nunu it tiboros om ponudukan olingan ku kavi.. nga ong tulun topintar yagko it kuvo R2 yosido oruhai balajar baiko imatan om rongohon nunu it tudukan momolohing terus ko ahandaman dou yangko tongo ninaat it nunu nopo babason Bobolizan tulun yangkiti ti mimang ko varo koistimawaan dau mad ko ining daub oh nunu it boroson tulun songkuro ko osuduh mantad dau.*

(Kalau saya, saya tidak mengamalkannya lagi setelah orang tua saya meninggal...Sebab saya jenis orang yang susah mengingat jadi apa yang dorang ajar saya lupa...Tetapi bagi orang yang pintar macam si R2 dia mudah belajar dia hanya melihat dan mendengar apa yang orang tua dia ajar dia terus dapat menghafalnya (mantera) orang yang begini memang ada keistimewaan tersendiri seolah-olah mampu mendengar perkataan walaupun dari jarak yang jauh)

(R1)

*Kakal i..*

(Masih)

(R2)

*Amu sabab yoku tu nokosuvang no sambayang kantad it tomuda i manjadi nunu it gagamaon yagko it tilaan nunu nopo yagko Mangarah niduanan ku kavi tu nalarang nunu it ajaran sid sambayang*

(Tidak, sebabnya saya telah masuk Kristian sejak muda lagi jadi semua amalan atau pegangan ritual saya telah tinggalkan sebab bertentangan dengan ajaran agama)

(R3)

*Amu.. Songkuro ko antad oku sid koluarga it kiadaat nokosuvang oku po sambayang niada kun oh kavi..*

(Tidak...Walaupun saya berasal dari keluarga yang beradat tetapi saya masuk Kristian jadi saya sudah kasih lepas semua)

(R4)

*Amu...Nokosuvang oku po sambayang om it molohing ku nakapanau sokoviai it gagamaon diri niduanan ku...*

(Tidak...Setelah masuk Kristian dan orang tua saya meninggal semua amalan itu ditinggalkan)

(R5)

*Amu..*

(Tidak)

(R6)

Secara keseluruhan, analisis ini menunjukkan hanya seorang sahaja lagi yang masih mengamalkan adat dan pantang larang penanaman padi, manakalah 5 orang responden lain tidak mengamalkannya kerana bertentangan dengan ajaran agama Kristian. Namun bagi R1 walaupun beliau masih memegang ajaran pagan namun beliau tidak lagi mengamalkannya kerana disebabkan beliau sukar untuk menghafalkan beberapa bacaan (mantera) yang dibaca ketika upacara *Mangaraha*. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat disimpulkan bahawa amalan ini kurang diamalkan kerana hampir kesemua masyarakat telah menganuti ajaran agama masing-masing. Untuk mengukuhkan lagi kajian ini, turut disokong oleh Hasan Mat Nor (2001) perubahan agama bukan sahaja melibatkan perubahan dalam sistem kepercayaan individu maha turut memberi kesan kepada amalan hidup seharian dan persepsi mereka terhadap kehidupan. Semakin mendalam penghayatan mereka kepada agama tersebut, maka semakin jauhlah amalan-amalan lama itu mereka tinggalkan.

#### **4.4 ANALISIS KESAN ADAT DAN PANTANG LARANG PENANAMAN PADI**

Berdasarkan analisis data yang dikumpul melalui kaedah temubual, pengkaji telah mendapati bahawa kesan adat dan pantang larang penanaman padi terdiri daripada 2 iaitu kesan jika adat dan pantang larang diamalkan oleh masyarakat suku kaum Rungus dan kesan jika adat dan pantang larang tidak diamalkan dalam penanaman padi. Kesan-kesan adat dan pantang larang penanaman padi suku Kaum Rungus adalah seperti berikut:

##### **4.4.1 Kesan Jika Adat Dan Pantang Larang Diamalkan.**

Analisis tema ini merangkumi kesan jika adat dan pantang larang penanaman padi diamalkan dalam masyarakat suku kaum Rungus. Kesemua responden mempunyai pendapat dan pengalaman kesan amalan ini seperti berikut:

*Kesan it tavangan sid saralom gagamaon diti obuli dot kapasi tonomon.. magko, itokou mananom parai bertoun-toun nga amu kangu hasil dit togumu om mau kosukup tankanon... boros banal, ong amalon tokou it tosukp, songkuro ko*

*sominggu amu kibo sid tagad sampai noh kosuni it parai om mongomot noh, it parai tatap kosumuni om ajaga kantad sid tongo Kopizo atau sunizan sakot, bah imatai ka dikou, ong it tagad amu ajaga ogumu kara, tombolong kon nga ong osukup diti undang-undang it tongo Kopizo amu kabarani sumomok tagad sabab dino varo it Bambarazon. Adat diti ngam bahagi di tulun it osibuk om it tomurung hahaha... magko it koruhang ku, yoti minomuka tagad nga amu minangagama Mangaraha nah navi it parai nompunso do Kopizo. Nunu it tilaan ku, undang-undang diiti ong gamaaon banal amu ko ontok sakit, aman om mongoborisi palad, sabab longon tokou iti varo tosogit om alasu, jadi mosti ko rahaon obuli ogi mananom parai.. baiko in obo tarasaan ku.. nunu it timot om orongou kantad sid molohing ku... it sorita di tidi ku, gulu it todu ku minogulok parai om it parai nopo osusah tantu ovi-ovion mongulok madko ditambah-tambah it parai, ong amu mogulok it todu ku om rumihat korongou no yosido mad ko varo tulun ginumanti dau mangagama momongo dit tulakan parai...*

(Kesan yang bagus dalam amalan ini dapat menghidupkan tanaman.. Umpama, kita telah menanam padi bertahun-tahun tetapi tidak menghasilkan hasil yang banyak dan tidak mencukupi untuk makanan. Terus terang, kalau kita amalkan dengan cukup, walaupun berminggu tidak datang ke ladang sehingga padi tumbuh dan menuai, padi tetap subur dan terjaga daripada haiwan pemusnah atau ditumbuhi rumput. Bah cuba kau tengok, kalau ladang tidak dijaga banyak monyet..burung kan tapi kalau cukup amalan undang-undang tu haiwan pemusnah tidak berani mendekat ladang tersebut disebabkan si *Bambarazon*. Adat ini sesuai untuk mereka yang sibuk dan mereka yang pemalas hahaha...Macam kawan saya..mereka membuka ladang tanpa mengamalkan undang-undang mangaraha dan tanaman mereka dimusnahkan oleh haiwan perosak. Apa yang saya tahu.. undang-undang ini jika diamalkan dengan betul ia tidak mendatangkan sakit penyakit, menjaga keamanan dan membersihkan tapak tangan, sebab tangan kita ini ada yang sejuk ada yang panas..oleh itu, pemilik ladang harus Magaraha barulah menanam padi..Itu saja saya rasa.. apa yang saya lihat dan dengar dari orang tua saya..ada cerita ibu saya, dulu nenek saya Mogulok padi dan padi itu sukar dihabiskan seakan-akan padi

itu bertambah dan apabila nenek ingin berrehat, dia akan mendengar seperti ada orang yang mengantikan dia menyelesaikan pekerjaannya)

(R1)

*Ong yoku... iso noh it toponting inono it ponubur tonomon.. sabab Mangaraha banal ko oponting tu mongodim Bambarazon...umm Bambarazon diti varo turu ngaran nga amu bo iboros ku dino tanid no ong ingin ko mangawaris diti undang-undang..mitai ka, nunu nopo it gama mangaraha amu obuli boroson sambarangan..*

(Kalau saya... Isaja yang penting iaitu menyuburkan tanaman..sebab *Mangaraha* adalah yang penting untuk memanggil *Bambarazon*..umm *Babarzon* ni ada 7 nama sebenarnya tapi saya tidak akan cakap melain kamu ingin mewarisi undang-undnag tanaman padi.. Lihat.. apa saja cara mengaraha tidak boleh dicakap sembarangan)

(R2)

*Nunu it binoros dit molohing om it tivanon ku... adat diti obuli pamasi dot tonomon om mongilak tongo panakit konto sid mumutagad om it koluarga dau...hmm iso po, obuli pokeluar hasil togumu..ogumu bo kavantangan dau ti*

(Apa yang orang tua saya cakap sama mentua saya.. adat ini dapat menghidupkan tanaman dan mengelakkan sakit penyakit menimpa si pemilik ladang dan keluarganya..hmm satu lagi.. dapat menghasilkan tuaian yang banyaklah..banyak kebaikan dia sebenarnya)

(R3)

*Banal ino nunu it boros di kuvo R3 mad varo iso ri, obuli manjaga dot kamanan kabo di indi.. magko mongilak nunu karaatan sitid pomogunan yagko tanah runtuh.. ong it topodok oku po, it molohing ku sumorid tagad hiza dumarun tologod om varo nambas tanah sid tagad dahai tu it tagad dahai dino sid savat burul.*

(Betul apa yang dicakap oleh si (R3) macam ada satu lagi tu..boleh menjaga keamanan bilang si indi (arwah ibu R3)..macam mengelakkan bencana alam macam



tanah runtun..macam saya kecil-kecil lagi, orangtua saya ke ladang pada ketika hujan kuat dan berlakunya tanah runtuh disebabkan ladang kami itu diatas bukit)

(R4)

*Ong it tilaan ku.. pamasi do tonomon, manjaga katanangan.. kadi yini amu ovodungan ginazau.. ong it tandaman ku, boros di apa ku undang-undang diti bortujuan manjaga diti kaamanan kampung*

(Yang saya tau ..dapat menghidupkan tanaman, menjaga keamanan..bilang yini boleh mengelakkan nasi yang dimasak hangit.. kalau yang saya ingat, bapa saya cakap tujuan undang-undang ni macam menjaga keamanan kampung)

(R5)

*Oo banal ino... yangkino noh ong it gulu-gulu pasal dot undang-undang tanaman parai.. eh ong yoku amu kasip oku tongo novodungan ginazau hahaha.. mad amu olujik bahagi ko dohon lah sabab yokoi amu insan kovodungan*

(Oo betul tu.. begitulah tu kalau yang dulu-dulu pasal undang-undang tanaman padi..eh saya nda percaya adakah nasi hangit hahaha..macam nda masuk akal bagi sayalah sebab kami tidak pernah mengalaminya)

(R6)

Secara keseluruhannya, Makhluk halus yang mengatur pertumbuhan dan kematian tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang ada di angkasa dipercayai menjadi pembawa nasib sama ada melalui penderitaan, kematian, dan kebangkitan Tuhan bagi orang-orang yang memerlukan (Roland Robertson, 1997). Melalui kajian ini telah membuktikan pernyataan tersebut dimana kesemua responden temubual telah mengakui bahawa adat dan pantang larang dapat menghidupkan tanaman. responden turut menceritakan pengalaman mereka, undang-undang yang diamalkan sejak mulanya pencarian kawasan yang akan dibuka untuk penanaman padi telah menjadi amalan sejak dahulu lagi bagi mengekalkan kesuburan tanah. Hal ini kerana, R1 menceritakan di mana jiran beliau pada ketika itu, telah membuka ladang padi namun tidak mendapat hasil

yang di inginkan kerana hampir kesemua tanaman mereka musnah. Mereka mempercayai tanaman mereka telah dimusnahkan oleh *Kopizo* disebabkan mereka tidak mengamalkan undang-undang yang telah ditetapkan oleh nenek moyang mereka. Tambahan pernyataan tersebut, jika semua adat dan pantang larang diamalkan, walaupun berminggu si pemilik tidak datang ke ladangnya namun padi didapati tumbuh dengan subur tanpa ganggu daripada *Kopizo* serta rumput seperti lalang tidak tumbuh dikawasan tersebut. R1 juga menyatakan, undang-undang ini sesuai bagi orang yang sibuk dengan pekerjaan lain serta untuk orang yang malas turun ke ladang. Secara keseluruhan, adat dan pantang larang ini menjadi pembawa nasib dalam menghidupkan tanaman mereka. Hal ini kerana, amalan adat dan pantang larang pemilik padi dapat memanggil semangat padi melalui *Bambarazon* yang merupakan penjaga tanaman mereka.

Menurut beberapa responden telah menjelaskan kesan adat dan pantang larang penanaman padi mampu mengelakkan sakit penyakit terhadap pemilik tanaman mahupun sakit penyakit kepada tanaman. Menurut beberapa responden, pada masa dahulu jika masyarakat tidak mengamalkan adat dan pantang larang, pemilik ladang tersebut akan sakit teruk. Hal ini kerana *Bambarazon* yang dipanggil untuk menjaga tanaman tersebut merajuk kerana tidak menghormati kedatangannya di ladang tersebut. Tambahan, hanya 1 cara yang mampu menyembuhkan pemilik ladang iaitu, pemilik harus mencari pelbagai haiwan perosak tanaman yang lebih dikenal sebagai *Kopizo* lalu *Bombolizan* akan mengadakan upacara *Momodsu* (memandikan) pada waktu yang ditetapkan iaitu ketika bulan penuh. Hampir kesemua responden mengakui kesan ini berlaku pada ketika dahulu kerana pernah berlaku kepada nenek moyang mereka. Saya sebagai penyelidik juga turut bersetuju kerana kenyataan yang diakui oleh responden di sokong oleh Minah Sintian, (2013) masyarakat Kadazandusun di Sabah percaya bahawa sesuatu yang terjadi contohnya bencana alam, penyakit dan ketidaksuburan tanaman mempunyai kaitan dengan kuasa luar biasa yang mana akan terjadi sekiranya penduduk kawasan berkenaan tidak mematuhi pantang larang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kinorohingan (Tuhan) mereka.

Selain itu, adat dan pantang larang juga memberi kesan terhadap keamanan masyarakat. Hal ini kerana, semangat padi dan makhluk ghaib yang berada dikawasan yang dibuka yang menentukan keamanan masyarakat dikawasan tersebut. Menurut R4, beliau pada waktu kecil mengalami perkara yang tidak diinginkan ketika ladang mereka musnah disebabkan tanah runtuh sehingga menyebabkan kebimbangan kepada masyarakat kerana mereka mempercayai semangat padi marah terhadap masyarakat kerana tidak melayannya dengan baik. Berdasarkan teori yang telah diperkenalkan oleh Taylor menjelaskan satu huraian tentang TRV berdasarkan cara pandangan evolusionisme. Menurut Taylor evolusi religi yang pertama ialah manusia percaya bahawa alam sekeliling mempunyai jiwa berdasarkan perkara-perkara yang berlaku seperti berlakunya bencana. Dalam kajian ini, masyarakat suku kaum Rungus mempercayai bahawa setiap tanaman yang mereka tanam mempunyai jiwa yang harus dihormati seperti semangat padi. Maka dengan itu, mereka mengadakan upacara *Mangaraha* dikawasan tersebut bagi memujuk semangat padi. Pada dasarnya, saya kurang mempercayai kesan tersebut berlaku disebabkan semangat padi kerana melalui kajian sorotan lepas, Menurut Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (2015) melaporkan bahawa peningkatan infrastruktur dan penerokan hutan secara tidak terkawal menjadi salah satu punca terjadinya bencana alam. Mereka percaya bahawa kejadian seperti ini akibat daripada keadaan geologi tanah yang mengalami proses perubahan strukturnya. Namun kenyataan R4 turut disokong oleh Mohd Taib Osman (1967) Untuk memulihkan semangat, perlu dipanggil bomoh bagi melakukan ritual untuk memulihkan kekuatan semangat itu sehingga semangat itu kembali ke dalam diri atau benda yang berkenaan. Upacara memulih semangat perlu diadakan dari masa ke masa atau pada waktu-waktu yang tertentu. Jika perkara itu tidak dilakukan, maka dikhuatiri semangat itu akan merajuk dan menghilangkan diri.

Berdasarkan analisis temubual, pengkaji mendapati adat dan pantang larang juga memberi kesan terhadap menghasilkan tuaian yang lumayan. Menurut R1, beliau menceritakan apabila seseorang yang mengamalkan adat dan pantang larang walaupun padi yang dituai hanya sedikit ketika proses *Mogulok* tetapi si pemilik sukar untuk menghabiskan padi tersebut seolah-olah padi itu bertambah dan masih banyak sehingga menyebabkan kaki si pemilik sakit. R1 juga menjelaskan keadaan tersebut akan kembali

pulih ketika si pemilik berehat namun pada ketika itu si pemilik akan mendengar bunyi padi di pijak. Mereka mempercayai *Bambarazon* datang untuk menolongnya.

Seterusnya, mengelakkan nasi yang dimasak hangit. Menurut R5, masyarakat pada masa dahulu memasak menggunakan kayu api di ladang. Menurut beliau, kesan tersebut dapat diselesaikan jika si pemilik mengadakan upacara ritual untuk memujuk semangat padi tersebut. Namun R6 pula tidak bersetuju kesan tersebut kerana ianya tidak masuk akal disamping nenek moyangnya tidak pernah mengalami kesan tersebut.

Seterusnya, membersihkan telapak tangan. R1 menjelaskan kesan ini sangat penting dalam membersihkan tangan selepas tanaman padi bagi mengelakkan tapak tangan menjadi panas. Menurut kepercayaan nenek moyangnya, sehabis saja menuai atau merayakanya mereka seharusnya mengadakan upacara *Sogit* bagi membersihkan telapak tangan agar tanaman pada tahun yang seterusnya dapat menghasilkan tuaian yang lumayan. Hal ini kerana, nenek moyangnya pernah mengalami tanaman mereka tidak subur disebabkan telapak tangan yang panas ketika menanamnya.

#### 4.4.2 Kesan jika adat dan pantang larang tidak diamalkan.

Analisis temubual dalam subtema ini akan menjelaskan tentang kesan jika adat dan pantang larang penanaman padi tidak diamalkan oleh masyarakat suku kaum Rungus. Berikut adalah analisis temubual tentang kesan adat dan pantang larang:

*Madko it binoros ku lah..ong amalon undang-undang diti avo nobo kesan tavantang om amu amalon, nah amu nobo avantang kesan dau..ont it boros molohing ku gulu..emm ong amu amalon ritan doti monutup rozoki tokou..gulu imot kun oh it koruhang ku, navi nopunso it tinanamon dioti tu amu Mangaraha..okon ko baiko ino, undang-undang diti osoriwit boh om kopunso tonomon..*

(Seperti yang saya beritahu..jika diamalkan ada kesan yang baik tetapi jika tidak diamalkan, maka kesan tersebut tidak berapa baik..seperti orang tua saya ceritakan dulu..Emm menutup pintu rezeki..dulu saya melihat tanaman kawan saya musnah

kerana tidak melakukan upacara *Mangaraha*..bukan itu saja, adat ini cerewet dan boleh juga memusnahkan tanaman)

(R1)

*Ong ino dino, ogumu tonomon doti amu sinumuni sabab nontok do bencana yagko dumarun nopo, alasu tatau, om norikot do kopizo..varo no ong sumakit nah ong ti sumakit diti bahaya sabab dino it sanganu do tagad om it tinanamon tongo parai nga ontok kavi..bang it tulun tontok osusah sumihat vagu ino ema ong podsuon it tongo kopizo nga ong it tonomon boa mu noh milod podsuon tu avi nobogima nakan tongo kara,vogok, om it tongo kopizo vokon.*

(Kalau yang itu itu..ramai yang mengalami tanaman mereka tidak tumbuh disebabkan berlakunya bencana seperti hujan berpanjangan, panas berpanjangan dan didatangi oleh haiwan pemusnah..ada juga pemilik yang sakit. Pasal penyakit ini pula bahaya kerana pemilik dengan tanaman akan terkena sekali..orang yang terkena sakit ini sukar di sembuhkan kecuali dimandikan dengan *Kopizo* namun tanaman tersebut tidak dapat disembuhkan kerana habis dimakan oleh monyet, khinzir dan perosak yang lain).

(R2)

*Kasan dau dino, kagama dot tonomon amu sumuni insane po varo sanganu tagad sinumakit sabab it semangat parai hinumungot kabarasan...agumu nobo it tarjadi magko nozuzu tanah om amu insane darun sampai ko it tongo parai amu nongkosuni*

(Kesan dia ni, menyebabkan tanaman tidak subur sama kadang-kadang ada juga pemilik ladang yang sakit lah disebabkan semangat padi marah mangkali..banyak yang berlakulah bah macam tanah runtuh sama tidak pernah hujan sampai padi tidak tumbuh..)

(R3)

*Banal ino nunu binoros di kuvo R3 sabab dino ong it gulu-gulu ri, nunu nopo it tarjadi banal ko kasip yoti inono it hungot di bambarazon*

(Betul apa yang dicakap oleh si R3 sebabnya kalau dulu-dulu tu, apa saja yang berlaku mereka mempercayai bahawa si bambarazon yang membuatnya...)

(R4)

*Nunu it boros di molohing ku..undang-undang diti ong amu gamaaon tavantang nah it hasil dau nga amu avantang nobo om ogumu nobo it amu avantang ajadi yagko sumakit..ka di tidi ku, insane yoti amu nansakan ginazau tu novodungan hahahaha....*

(Apa yang orang tua saya cakaplah..undang-undang ini kalau tidak dibuat bagus-bagus maka hasil padi tidak banyak dan banyak lagi lah yang berlaku seperti sakit penyakit..satu lagi bilang mama saya, mereka pernah mengalami nasi yang dimasak hangit hahahaha. )

(R5)

*Ong yokoi boi amu i insan amu ansak ginazau nga insan tagad dahai nasarang dot kara om tikus navi boh nakan..kadang-kadang it parai ri kon ogumu taso tonsi..*

(Kalau kami, macam tidak pernah mengamali nasi tidak masak tetapi ladang kami pernah diserang oleh monyet dengan tikus dan memakan tanaman kami..kadang-kadang padi lebih banyak yang tiada isi daripada yang ada isi)

(R6)

Secara keseluruhan analisis temubual subtema ini, kesan jika tidak mengamalkan adat dan pantang larang penanaman padi yang pertama ialah, menutup pintu rezeki dalam hasil pertanian. Menurut R1 yang telah ditemubual menjelaskan bahawa jika pemilik ladang tidak mengamalkan adat dan pantang larang maka hasil tanaman mereka tidak banyak seperti yang dikehendaki.



Selain itu, pemilik tanaman tersebut mengalami sakit yang teruk. Kesan ini diakui oleh 3 orang responden. Hal ini kerana semangat padi akan merajuk dan memberi pengajaran kepada pemilik ladang tersebut untuk menghormatinya, menurut R2, penyakit tersebut tidak akan sembuh jika tidak mengadakan upacara *Mangaraha* dan *Momodsu* untuk memujuk semangat padi dengan mempersembahkan 3 ekor ayam kepadanya lalu mencari pelbagai *Kopizo* untuk dikumpul dan dimandikan kepada orang sakit. Berdasarkan penjelasan beliau, penyakit itu akan sembuh setelah upacara itu selesai namun tanaman tersebut tidak dapat diselamatkan kerana diserang penyakit padi iaitu penyakit buruk tangkai dan dimusnahkan oleh kopizo. Kesemua responden turut mengakui kesan ini berlaku jika tidak menghormati semangat padi. Pada masa yang sama, saya turut mengakuinya kerana kesan ini turut disokong oleh teori yang telah diperkenalkan oleh Taylor dalam Evolusi yang kedua, dimana animisme yang merupakan kepercayaan masyarakat terhadap roh dan kuasa ghaib yang mendiami alam semesta. Ciri-ciri ini berkait dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji, dimana masyarakat Rungus percaya terhadap amalan animisme seperti kuasa-kuasa jahat dan kuasa baik yang menjaga kawasan yang akan dibuka bagi penanaman padi yang boleh memberi kesenangan mahupun malapetaka kepada masyarakat. Oleh itu, masyarakat Rungus akan mengamalkan adat dan pantang larang penanaman padi bagi menjaga dan memujuk semangat padi agar tanaman mereka dipelihara disamping mengelakkan pelbagai sakit penyakit dan bencana berlaku kepada pemilik ladang.

Kesan seterusnya ialah, nasi akan hangit. Menurut R5, jika tidak mengamalkan adat dan pantang larang menyebabkan nasi yang dimasak akan hangit dan tidak boleh dimakan. Hal ini berlaku kerana, semangat padi semasa menuai padi terkejut kerana si pemilik tidak meminta kebenaran terlebih dahulu sebelum menuai padi maka dengan itu hasil yang dituai akan mudah rosak khususnya padi akan diserang ulat ataupun perosak lain. Manakalah padi yang telah menjadi beras turut tidak dapat dimakan disebabkan nasi yang dimasak hangit ataupun tidak masak. Walaupun ianya dimasak dan dijaga apinya dengan baik. Namun begitu, R6 tidak menyokong dengan hujah yang diutarakan oleh R5 kerana beliau tidak pernah mengalaminya tetapi pernah mengalami tanaman beliau diserang oleh haiwan perosak atau *kopizo*. Pada masa yang sama juga, beliau menyatakan hasil padi yang di tuai lebih banyak hampa daripada yang ada isi.

Seterusnya, padi tidak akan tumbuh dengan subur, kesemua responden mengakui kesan ini berlaku jika pemilik tersebut tidak mengamalkannya, menurut R2, tanaman tidak subur disebabkan berlakunya hujan yang berpanjangan ataupun sebaliknya. Manakala bagi R3 menyatakan akibat padi tidak tumbuh dengan subur disebabkan semangat padi marah kerana merasa tidak dihormati.

#### **4.5 USAHA PEMULIHARAAN ADAT DAN PANTANG LARANG PENANAMAN PADI**

Berdasarkan analisis data temubual, pengkaji telah mendapati terdapat beberapa usaha pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus. Berdasarkan penelitian pengkaji, adat dan pantang larang merupakan kepercayaan yang diyakini memberi kesan dalam kehidupan masyarakat. Namun di era globalisasi yang semakin moden kini, telah memberi cabaran kepada kepercayaan pada ketika dahulu yang berunsurkan ritual kerana pada masa kini hampir kesemua masyarakat telah mengamalkan ajaran agama. Kemungkinan, adat dan pantang larang yang diwarisi secara turun temurun akan dilupakan. Semua pihak haruslah memainkan peranan penting dalam menjaga dan memulihara adat dan pantang larang penanaman padi. Oleh itu terdapat beberapa usaha yang diakui oleh kesemua responden bagi mengekalkan kepercayaan mereka.

##### **4.5.1 Pandangan Responden Untuk Mengekalkan Adat Dan Pantang Larang**

Analisis ini akan menjelaskan bahawa adat dan pantang larang penanaman padi seharusnya dikekalkan. Oleh itu berikut adalah pandangan responden untuk mengekalkan adat dan pantang larang penanaman padi:

*Pakalolon dara boh, ong yoku emm mangkino gamaon dikoulah mengkaji dot adat om pantang larang om potulison ogi sid buuk,ino poh cara dot pakakal walaupun amu noh gamaon ditokou nga sekurang-kurangnya ilaan dikou tentang diti undang-undang pananaman parai.*

(Sememangnya harus dikekalkan, bagi saya emm macam kamulah mengkaji adat dan pantang larang lalu ditulis dalam buku... Itupun cara untuk mengekalkan walaupun kita tidak lagi mengamalkan amalan tersebut tetapi sekurang-kurangnya kamu dapat mengetahui tentang undang-undang penanaman padi)

(R1)

*Osusah pakakal, nga adapati pakakal ong posuraton madko ino gamaaon dikou..mad ko igulu ogumu undnag-undnag Rungus sinolidik tongo orang putih it minintoron dsid Matunggong bertoun-toun kalaid tu barajal dot undang-undang tokou..nisurat dioti om piningrakaman..*

(Susah dikekalkan, tetapi dapat dikekalkan melalui penulisan macam yang kamu buatlah..macam dulu banyak undang-undang Rungus diselidik oleh orang putih dimana orang itu tinggal di Matunggong bertahun-tahun lamanya untuk mempelajari undang-undang kita..dorang rakam dan tulis)

(R2)

*Bahagi ko doho, gama pakakal inoinga mangko ikou'u tanganak sikul kojion om posuraton sid buuk..ogumu tanganak sikul mongoduat yangko it tanak ketua kampung tokou pasal undang-undang minatai..manjadi ong kosurat noh sid buuk inono adat om pantang larang diti akakal ong amu po opunsh ino buuk..*

(Pada pandangan saya, cara untuk mengekalkan ialah macam kamulah budak sekolah mengkaji dan ditulis dalam buku..ramai budak sekolah yang bertanya yang dulu anak ketua kampung tanya pasal undang-undang kematian..jadi kalau sudah tertulis dibuku maka adat dan pantang larang itu kekal selagi buku itu tidak dimusnahkan)

(R3)

*Banal ino, ogumu noh minongo duat dahai di kuvo R3,, baiko mangkino po cara ditokou pakakal diti adat yangkino binoros di kuvo R2*

(Betul tu, ramai yang tanya kami sama dengan si R3..tu lagi lah cara kita kasih kekal macam yang si R3 cakap tu).

(R4)

*Bahagi ko doho, mad ko ino gamaon nu'lah, posuraton sid buuk.*

(Pandangan saya, macam yang kamu buat ini, tulis dibuku)

(R5)

*Ong okon ko ikou mengkaji diti undang-undang amu kakal tohudi tadau ong aso okoi noh sitid pomogunan*

(Kalau bukan kamu yang mengkaji tentang undang-undang ini belum tentu lagi akan kekal apabila kami meninggalkan dunia ini)

(R6)

Daripada analisis dan penelitian terhadap data-data yang terkumpul, didapati bahawa secara keseluruhannya kesemua responden memberi pandangan dan mengakui bahawa kajian yang dijalankan oleh para penyelidik merupakan cara terbaik untuk mengekalkan adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus. Demikian yang dijelaskan oleh R3, pandangan untuk mengekalkan undang-undang ini adalah seperti yang dilakukan oleh pengkaji dimana pengkaji akan mendokumentasikan hasil kajian tersebut. oleh itu penulisan yang telah didokumentasikan merupakan cara untuk melindungi dan mengekalkan adat dan pantang larang penanaman padi. Kewujudan dokumenatasi dalam bentuk buku mahupun salinan maya dapat melindungi daripada ancaman kepupusan. Dengan itu, generasi yang akan datang dapat mengetahui adat dan pantang larang berdasarkan penulisan kajian ini.

“ usaha dot pakakal diti undang-undang, magko ino gama'on dikou, posuraton sid bu'uk. Ong amu iyada dikou ino bu'uk , selagi dino undang-undang pongumaan akakal sampai pinlaid. Nah it tongo sukod vagu obuli mogimot dino sinurat nu om ilaan dioti nunu undang-undang gulu”

Sumber: kajian lapangan, 2020 (R3)

Hasil penyelidikan akan didokumentasi dan direkod adalah usaha yang terbaik bagi pemuliharaan adat dan pantang larang. Hal ini kerana pendokumentasian boleh dilakukan secara bertulis, bertaip, mahupun dalam bentuk video. Di zaman yang semakin moden ini, teknologi merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat kerana semua yang di inginkan berada diujung jari. Oleh itu, pendokumentasikan berbentuk laporan mahupun berbentuk visual boleh di maut turun ke media sosial agar masyarakat dapat mengetahui adat dan pantang penanaman padi yang diamalkan suku kaum Rungus. R2 juga turut menceritakan pada waktu beliau remaja, ada beberapa orang luar negara yang datang ke Kudat untuk mempelajari kebudayaan Rungus. Beliau menjelaskan orang luar itu fasih dalam bahasa Rungus disebabkan tinggal di Kudat bertahun-tahun lamanya disamping mereka menguasai hampir kesemua kebudayaan Rungus khususnya adat dan pantang larang kaum Rungus. Mereka telah menghasilkan video dan dibawa balik ke negara asalnya. Keadaan ini juga menimbulkan kebimbangan kepada beberapa *Bobolizan* kerana mereka takut adat dan pantang larang tersebut disalah guna apabila mereka mempromosikan di negara asal mereka. Menurut beliau juga, keadaan pada masa kini telah digantikan dengan amalan agama yang kuat. Beliau merasa adat dan pantang larang ini akan pupus disebabkan kekurangan *Bobolizan* dan tidak diketahui oleh generasi muda setelah mereka meninggal kelak. Dengan itu, penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik boleh dijadikan sumber rujukan generasi yang akan datang.

#### 4.5.2 Cadangan memulihara adat dan pantang larang.

Cadangan memulihara adat dan pantang larang penanaman padi yang dijelaskan oleh kesemua responden adalah seperti berikut:

*Cadangan ku, potuturanon sid tongo tanganak pasal diti adat om pantang larang...  
iso po ong rakamon nu it nunu ti boroson ku, nah obuli patagon nu om ipomot  
muodu om muakit tohudi tatau..*

(Cadangan saya, menceritakan kepada anak-anak tentang adat dan pantang larang.. satu lagi jika kamu rakam apa yang saya cakap ini, nah boleh kamu simpan dan tunjukkan kepada anak cucu kamu nanti)

(R1)

*Cadangan ku yagko didino kaadaan, nopo iti pomogunan tokou nabahagi duvo inono tulun sambayang om yagko yoku tu kakal i pagan. Tanid po dino, sambayang banal ko okuat manjadi arasaan ku undang-undang diti mupus nobo tu okurang noka Bobolizan... yagko it binoros ku dinono tongo tanganak sikul mangkaji diti undang-undang*

(Cadangan saya dalam keadaan sekarang ini, dimana dunia telah terbahagi kepada 2 iaitu orang yang beragama dan macam saya la masih pagan. Tambahan pula agama sangat kuat pada masa kini jadi saya rasa undang-undang ini akan pupus disebabkan bobolizan semakin kurang.. seperti yang saya cakap tadi lah budak sekolah mengkaji pasal undnag-undang)

(R2)

*Cadangan ku, madko it binoros kulah.. mad emm hasil kantad dit kajian dikou obuli basaon om imatan tongo ompinai atau tongo sukod vagu tohudi tatau..*

(Cadangan saya, seperti yang saya cakap tadi ... seperti emm hasil daripada kajian kamu boleh dibaca dan dirujuk oleh adik-adik atau pemuda pemudi pada masa akan datang)

(R3)

*Yoku nga, mad ko it binoros di kuvo R3.*

(Saya pun, seperti apa yang dijelaskan oleh si R3)

(R4)



*cadangan ku bo, potuturanon tokou sid tanganak moudu supaya ilaan dioti ti undnag-undang pananaman parai..tu yoku kondiri nga nakada ku no kavi it tongo undnag-undnag diti nokosuvang oku po sambayang.*

(Cadangan saya, kita kasih cerita sama anak cucu agar mereka tau tentang undang-undang penanaman padi..sebab saya sendiri pun telah buang semua undang-undang setelah masuk agama Kristian..)

(R5)

*Mogihim oku tanganak muodu ku it kakun mangawaris diti tililaan ku, ino ogi sumuvang oku ogi sambayang tu amu monusah oku tanganak ong apatai oku no...tu tadat napatai diti osusah tu patod po hatod..manjadi amu oku monusah dioti sabab dino padaan ku gagamaon kawaris ku po sidioti*

(Saya akan mencari anak dan cucu saya yang sanggup mewarisi pengetahuan saya setelah itu, saya akan masuk Kristian bagi memudahkan anak-anak saya ketika saya meninggal nanti..sebab kematian juga mempunyai undang-undang jadi undang-undang itu sukar dilaksanakan seperti penghalauan roh si mati..jadi saya tidak mau menyusahkan anak-anak saya nanti sebab itu saya akan buang amalan ini setelah saya mewarisi kepada anak cucu saya..)

(R6)

Hasil analisis ini terdapat 3 cadangan untuk pemuliharaan adat dan pantang larang penanaman padi setelah di analisis berdasarkan kesemua pandangan responden. Usaha yang pertama ialah, menceritakan adat dan pantang larang kepada anak cucu yang diamalkan pada masa dahulu. Perkara yang sama dihujah oleh kesemua responden mencadangkan usaha yang sama, hal ini dapat dilihat dalam hasil kajian ini yang menemukan bahawa apabila kepercayaan itu diceritakan kepada anak cucu maka anak cucu mereka dapat mengetahui tentang adat dan pantang larang penanaman padi yang diamalkan keadah seperti ini lebih dikenali sebagai penyampaian secara lisan. Walaubagaimana pun, R5 menyatakan bahawa adat dan pantang larang penanaman padi ini sukar untuk dikekalkan kerana di era globalisasi ini pelbagai teknologi yang

digunakan dalam penanaman padi disamping beliau mengakui bahawa beliau telah membuang semua kepercayaan yang berbentuk ritual kerana telah berpindah kepada agama Kristian.

Selain itu, penyelidikan dan pendokumentasian seperti yang telah dibincangkan dalam subtema yang sebelumnya. Dimana usaha ini sangat penting bagi menjadi sumber rujukkan kepada generasi yang akan datang. Tambahan, R1 turut mencadangkan agar rakaman suara boleh ditunjukkan kepada adik-adik dan juga pemuda pemudi yang ingin mengkaji tentang adat dan pantang larang penanaman padi secara mendalam . Sebagai penyelidik saya mengakui bahawa cadangan pemuliharaan ini adalah cara yang terbaik kerana penyelidik menyedari penyelidikan bukan sahaja mengkaji tetapi turut memberi kesedaran kepada diri sendiri tentang kepentingan pemuliharaan adat dan pantang larang yang diamalkan pada masa lampau. Hal ini turut ditegaskan oleh Y.A.B. Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah (2008) Untuk memastikan agar khazanah warisan budaya etnik negeri ini terus terpelihara seperti tarian dan muzik tradisi, pakaian tradisi, makanan tradisi, adat istiadat, kepercayaan dan pantang larang, maka perlulah satu usaha pendokumentasian dilakukan untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada orang ramai khususnya generasi akan datang. Hal ini penting disebabkan pada masa ini masih kurang usaha yang dijalankan oleh mana-mana pihak untuk mendokumentasikan bahan-bahan berkaitan seni budaya etnik di negeri ini. Dalam erti kata lain, penyelidikan dan pendokumentasian memberi kesan jangka panjang dalam usaha pemuliharaan untuk mengekalkan dan mempertahankan identiti warisan tidak ketara di daerah Kota Marudu.

Seterusnya, bagi R6 beliau ingin mencari anak dan cucunya yang sanggup mewariskan ilmunya tentang adat dan pantang larang serta segala ilmu ritualnya. sebelum beliau memeluk agama Kristian. Usaha ini juga dapat mengekalkan adat dan pantang larang kerana apabila beliau telah mewariskan kepada anak cucunya sudah tentu adat dan pantang larang ini kekal dan terpelihara agar tidak lenyap ditelan peredaran zaman.

### 4.5.3 Usaha dari pihak lain

Hasil daripada penelitian dalam subtema ini, merangkumi pengetahuan responden mengenai usaha daripada pihak lain untuk turut sama melindungi adat dan pantang larang penanaman padi. Usaha dari pihak lain adalah seperti berikut:

*Mad aso, amu ilaan la tu lumohing oku no gima, aso tililan nunu it tindakan pompimpin pakakal diti kebudayaan tokou..*

(Macam tiada, tidak tahulah sebab saya sudah tua dan tidak tahu apa-apa yang akan tindakan orang atasan untuk mengekalkan kebudayaan kita)

(R1)

*Varo... mad ko sambutan Tadau Kaamatan, inono tulun sid savat tokou borusaha popuhondom om borsyukur dit hasil parai om mangaramai di Bambarazon muli sid pomogunan dau*

(Ada...macam penyambutan Kaamatan dimana pihak lain berusaha untuk mengingatkan dan mensyukuri hasil yang telah dituai dan merayakan untuk si Bambarazon pulang ke tempat asal dia)

(R2)

*Varo... magko sid pomogunan Matunggong it kogumuai nah bangsa Rungus varo PRBS ong amu osilap ku lah... usaha diti ginaman supaya kebudayaan tokou adapat pingkakat yagko tongo bangsa vokon om pakal diti identiti tokou...*

(Ada.. seperti di daerah Matunggong yang kebanyakannya kaum Rungus mempunyai PRBS kalau saya tidak silap la..usaha ini dilakuakn supaya kebudayaan kita dapat membangun macam etnik lain dan mengekalkan identiti kita)

(R3)

*Mad aso ong sid kampung tokou diti, nga ong sid pusat mad varo yagko di binoros di kuvo R3...*

(Macam tiada kalau di Kampung kita ni, tapi kalau dipusat macam ada seperti yang dijelaskan oleh si R3)

(R4)

*Amu apasti ku mai, mad aso...*

(Saya tidak pasti, macam tiada)

(R5)

*Varo bo... it Kaamatan ri nga ong i ditokou Magahau lah... ramazon tu manjaga diti adat om pantang larang tu ong okon ko hasil parai om panjagaan di Bambarazon, kaamatan diti amu ramazon ong aso diti adat sabab dino adat diti varo hasil togumu manjadi kamaat diti baiko mangaramai om borsyukur nunu it nadapat tokou om mongohormat di Bambarazon muli sid pomogunana dau*

(Ada bah.. tu Kaamatan tu tapi kalau yang kita punya *Magahau* lah..dirayakan untuk menjaga adat dan pantang larang tersebut kerana tanpa hasil padi dan penjagaan Bambarazon..Kaamatan ini tidak dirayakan kalau tiada ni adat sebab ni adat la ada hasil tuaian yang banyak jadi kaamatan ni dirayakan untuk mensyukuri hasil dan menghormati si *Bambarazon* pulang ditempat asalnya)

(R6)

Hasil analisis kesemua hujah responden dalam subtema ini, pengkaji telah mendapati bahawa usaha dari pihak lain iaitu penganjuran program-program pesta Magahau dan Kamaatan. Pesta ini merupakan anjuran Persatuan Momogun Rungus Sabah (SAMORA). Terdapat 2 responden yang mengakui usaha tersebut, bagi melindungi adat dan pantang larang penanaman padi. Menurut R6, pesta ini dirayakan bagi mensyukuri rezeki tuaian padi yang banyak. Berdasarkan pembacaan penyelidikan, hujah R6 disokong dalam ucapan Timbalan Menteri Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Sempena Pesta Magahau 2016 Peringkat Negeri Sabah adalah seperti berikut:

*..Sebagaimana maksud Magahau iaitu kegembiraan atau keriangian yang amat mengujakan, Pesta Magahau ini lazimnya diadakan bagi tujuan menzahirkan*

*kegembiraan kerana mendapat rezeki yang berlebihan pada sesuatu ketika dan berkongsi kegembiraan tersebut bersama saudara mara, kampung-kampung yang berdekatan serta orang ramai..*

Sumber: Pesta Mahagau Peringakt Negeri Sabah, 2016

Usaha yang seterusnya, penglibatan PBRS turut melindungi adat dan pantang larang penanaman padi suku kaum Rungus. Menurut R3, PBRS merupakan usaha ini dilakukan supaya kebudayaan suku kaum Rungus dapat membangun seperti etnik lain dan dapat mengekalkan identiti yang tersendiri. Hujah R3 turut disokong oleh R4 sebagai usaha pihak lain untuk turut sama melindungi adat dan pantang larang daripada kepupusan. Menurut Peter (2019) beliau menyarankan agar presiden dan semua ahli majlis tertinggi PRBS bergiat aktif bersama dengan sebarang penganjuran pesta kebudayaan termasuk yang dianjurkan oleh persatuan persatuan besar seperti Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA) di samping harus mengambil inisiatif untuk sama-sama memajukan diri di samping mempromosi keunikan budaya Rungus. Hal ini kerana kebudayaan adalah peninggalan yang diwarisi daripada nenek moyang yang wajar dikekalkan dan dipertahankan.

Walaubagaimana pun terdapat 2 responden tidak mengetahui usaha yang dilakukan oleh pihak lain bagi melindungi adat dan pantang larang penanaman padi.

#### **4.5.4 Usaha yang dilakukan oleh masyarakat setempat.**

Penglibatan masyarakat setempat dalam mengekalkan adat dan pantang larang penanaman padi memberi impak kepada kebudayaan suku kaum Rungus dalam jangka masa yang panjang. Berikut adalah usaha yang dilakukan oleh masyarakat setempat:

*Ramazon tokou it parayaan Magahau tu mangaramai dit hasil nadapat tokou om mibahagi roziki sid songodpinai vokon..tanid po dino, itokou i kilo potuturanon nunu it tilaan sid tanganak muodu..*

(Merayakan perayaan magahau bagi merayakan hasil yang kita dapat disampig berkongsi rezeki kepada masyarakat lain..selain itu, kita boleh juga ceritakan kepada anak cucu)

(R1)

*Poworison nopo sid disai-isai mangakun, om potuturaron sid muodu muaki..magko igulu yindi ku banal ko ozi monuturan tangon gulu-gulu..*

(mewarikan kepada siapa-siapa yang menginginkannya.. selain itu kita ceritakan kepada cucu cicit ..seperti dahulu nenek saya suka menceritakan kisah dongeng yang berunsurkan ceritka suku kaum Rungus)

(R2)

*Potuturanon nopo sid tongo tanganak muodu..*

(Kita menceritakan kepada anak cucu)

(R3)

